| Kumpulan Pelaksana<br>Implementation Group        | Tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat<br>Disciplinary action with a view to dismissal or demotion           | Pengerusi: Pengurus Besar<br>Anggota:<br>i. Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (Pentadbiran)<br>ii. Penasihat Undang-undang Kementerian Pengangkutan<br>iii. 2 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, LPJ<br>Chairman: General Manager<br>Members:<br>i. Deputy Secretary General, Ministry of Transport (Administration)<br>ii. Legal Advisor, Ministry of Transport<br>iii. Two BOD members appointed by the Chairman of the BOD of LPJ                                                                   | Pengerusi: Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan<br>Anggota:<br>i. 2 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, LPJ<br>Chairman: Secretary General, Ministry of Transport<br>Members:<br>i. Two BOD Members appointed by the Chairman of the BOD of LPJ                                                                                                                                                                                                    |
|                                                   | Tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat<br>Disciplinary action not with a view to dismissal or demotion | Pengerusi: Penolong Pengurus Besar<br>Anggota :<br>i. Ketua Bahagian yang bertanggung jawab bagi hal pentadbiran di Kementerian Pengangkutan<br>ii. Penasihat Undang-undang Kementerian Pengangkutan<br>iii. 2 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, LPJ<br>Chairman: Assistant General Manager<br>Members:<br>i. Head of the Division responsible for administrative matters at the Ministry of Transport<br>ii. Legal Advisor, Ministry of Transport<br>iii. Two BOD members appointed by the Chairman of the BOD of LPJ | Pengerusi: Pengurus Besar<br>Anggota :<br>i. Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (Pentadbiran)<br>ii. Penasihat Undang-undang Kementerian Pengangkutan<br>iii. 2 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, LPJ<br>Chairman: General Manager<br>Members:<br>i. Deputy Secretary General, Ministry of Transport (Administration)<br>ii. Legal Advisor, Ministry of Transport<br>iii. Two BOD members appointed by the Chairman of the BOD of LPJ |

Sepanjang tahun 2023 Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Lembaga Pelabuhan Johor telah bersidang sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 26 Ogos, 3 Oktober dan 10 Disember.

In year 2023, the Disciplinary Committee of Johor Port Authority met three times: on 26th August, 3rd October, and 10th December.

| NO. | NAMA<br>NAME                                                     | KEHADIRAN ATTENDANCE      |                           |                            |
|-----|------------------------------------------------------------------|---------------------------|---------------------------|----------------------------|
|     |                                                                  | BIL. 03/2023<br>26/8/2023 | BIL. 04/2023<br>3/10/2023 | BIL. 05/2023<br>10/10/2023 |
| 1.  | YBrs. Tn. Hj. Rosnan Bin Fathlal                                 | ✓                         | ✓                         | ✓                          |
| 2.  | YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan                              | ✓                         | ✓<br>Online               | ✓                          |
| 3.  | Yang Berhormat Dato' Hj. Mohammed Ridha Bin Dato' Hj. Abd. Kadir | ✓<br>Online               | ✓                         | ✓                          |
| 4.  | YBrs. Dr. Mohammed Shaharin Bin Umar                             | ✓                         | Tidak hadir<br>Absent     | Tidak hadir<br>Absent      |

# Laporan Jawatankuasa Pemaliman

## PERLEMBAGAAN

- i. Jawatankuasa Pemaliman, dengan merujuk Seksyen 29E, hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi (Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Johor - LPJ), dan empat (4) ahli lain daripada MOT, MARDEPT, MASA dan Pakar Maritim. Setiap wakil dilantik oleh Menteri Pengangkutan Malaysia.
- ii. Pelantikan Ahli Jawatankuasa (AJK) Pemaliman tidak melebihi tiga (3) tahun.
- iii. Ahli-ahli layak untuk dilantik semula apabila tamat setiap tempoh tersebut.
- iv. Tiga (3) AJK Pemaliman hendaklah membentuk korum, pada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.
- v. Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat. Ketidakhadiran Pengerusi hendaklah digantikan oleh mana-mana ahli Jawatankuasa Pemaliman melalui undian.
- vi. Ahli Jawatankuasa Pemaliman yang bukan pekerja LPJ boleh dibayar, daripada dana LPJ, apa-apa fi dan elaun yang LPJ boleh, dari semasa ke semasa, tentukan.

## PELANTIKAN DAN FUNGSI JAWATANKUASA PEMALIMAN

(Akta Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963)

Dengan merujuk seksyen 29D, pihak berkuasa dengan kelulusan Menteri hendaklah melantik Jawatankuasa Pemaliman bagi maksud:

- a. mengadakan peperiksaan dan mengeluarkan, bagi pihak berkuasa, lesen untuk bertindak sebagai malim pihak berkuasa pelabuhan atau sebagai malim yang diambil bekerja oleh pengendali berlesen.
- b. mengadakan pertanyaan mengenai kelakuan:
  - » malim pihak berkuasa pelabuhan;
  - » pekerja, berlesen untuk memandu kapal di daerah pemaliman menurut seksyen 29CA (1), pengendali berlesen;
  - » orang yang diberi kuasa di bawah seksyen 29CB (2) untuk memandu kapal yang melalui kawasan pemaliman,

dalam melaksanakan tugas mereka seperti yang diarahkan oleh pihak berkuasa dan membuat syor kepadanya;

## Pilotage Committee Report

### THE CONSTITUTION

- i. The Pilotage Committee, with reference of Section 29E, shall consists of a Chairman (Johor Port Authority - LPJ's General Manager), and four (4) other members from MOT, MARDEPT, MASA and Maritime Expert. Each representative is appointed by the Minister of Transport Malaysia.
- ii. Appointment of Pilotage Committee shall not exceed three (3) years.
- iii. Members shall be eligible for re-appointment on completion of every such period.
- iv. Three (3) members of the Pilotage Committee shall form a quorum, at any meeting of the Committee.
- v. Chairman shall preside at all meetings. Absentees of a Chairman shall be replaced by any members of Pilotage Committee by a vote.
- vi. Members of Pilotage Committee who are not employees of the LPJ may be paid, out of the funds of the LPJ, such fees and allowances as the LPJ may, from time to time, determine.

### APPOINTMENT AND FUNCTIONS OF THE PILOTAGE COMMITTEE

(Port Authorities Act 1963)

With reference to Section 29D, the authority with the approval of the Minister shall appoint a Pilotage Committee for the purpose of:

- a. holding examinations and issuing, on behalf of the LPJ, licenses to act as an authority pilot or as a pilot employed by a licensed operator;
- b. holding inquiries concerning the conduct of:
  - » authority pilots;
  - » employees, licensed to pilot vessels in a pilotage district pursuant to subsection 29CA(1), of a licensed operator;
  - » persons authorised under section 29CB (2) to pilot vessels passing through a pilotage district,

in the discharge of their duties as directed by the authority and make recommendations thereto;

- c. menyasat dan memberi nasihat tentang apa-apa perkara yang boleh dirujuk kepada Jawatankuasa oleh pihak berkuasa; dan
- d. menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada Jawatankuasa Pemaliman oleh Akta ini.

Pada tahun 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Pemaliman telah diadakan sebanyak lapan (8) kali iaitu empat (4) kali bagi Pelabuhan Pasir Gudang dan empat (4) kali bagi Pelabuhan Tanjung Pelepas sebagaimana dalam jadual di bawah.

Kebanyakan mesyuarat yang telah dijalankan adalah untuk meneliti calon (Pilot) untuk menaik taraf lesen Malim semasa dan mengeluarkan lesen Malim kelas baharu.

Selain meneliti dan mengeluarkan lesen kepada Malim, mereka juga membincangkan perkara-perkara lain yang berkaitan dalam mesyuarat seperti:

- i. Penglibatan malim dalam insiden (Gambaran keseluruhan Laporan Insiden)
- ii. Lain-lain perbincangan yang berkaitan dengan Pemaliman

Maklumat ahli dan kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut:

- c. investigating and advising on such matters as may be referred to the Committee by the authority; and
- d. carrying out such other functions as are conferred on the Pilotage Committee by this Act.

In 2023, the Pilotage Committee Meeting has been held eight (8) times, which four (4) times for Pasir Gudang Port and four (4) times for Port of Tanjung Pelepas, as per explained in the table below.

Most of the meetings that has been conducted is to examine a candidate (Pilot) for upgrading their current Pilot license and issuing a new class of Pilot license.

Besides examining and issuing license to Pilot, they were also other related matters discussed in the meetings such as:

- i. Pilot involvement in an incident (Incident Report overview)
- ii. Other relevant matters concerning Pilotage.

Members information and meeting attendance are as follows:

| NAMA<br>NAME                           | JAWATAN<br>POSITION   | KEHADIRAN<br>ATTENDANCE                                             |                                                                       |                                                                         |                                                                       |
|----------------------------------------|-----------------------|---------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|
|                                        |                       | No.121/01/2023/PG<br>6 Mac 2023 &<br>No.83/01/2023/TP<br>7 Mac 2023 | No.84/02/2023/TP<br>26 Jun 2023 &<br>No.122/02/2023/PG<br>27 Jun 2023 | No.123/03/2023/PG<br>18 Sept 2023 &<br>No.85/03/2023/TP<br>19 Sept 2023 | No.86/04/2023/TP<br>19 Dis 2023 &<br>No.124/04/2023/PG<br>18 Dis 2023 |
| YBrs. Tuan Kamaruzaman Bin Hj. Munasir | Pengerusi<br>Chairman | √                                                                   | -                                                                     | -                                                                       | -                                                                     |
| YBhg. Dato' Monaliza Binti Suhaimi     |                       | *                                                                   | **                                                                    | **                                                                      | √                                                                     |
| YBhg. Dato' Kapten Jaffar Bin Lamri    | Ahli<br>Member        | √                                                                   | √                                                                     | √                                                                       | √                                                                     |
| YBrs. Kapten Mohd Noor Bin Kassim      |                       | √                                                                   | √                                                                     | √                                                                       | √                                                                     |
| Mr. Foong Han Yang                     |                       | √                                                                   | √                                                                     | √                                                                       | √                                                                     |
| Encik Adam Ronny bin Rosly             |                       | √                                                                   | √                                                                     | √                                                                       | √                                                                     |

\* Dilantik sebagai Pengurus Besar pada 27 Mac 2023.  
Appointed as General Manager on 27th March 2023.

\*\* Menghadiri mesyuarat lain.  
Attended other meetings.

Appreciation &  
Recognition

# Penghargaan & Pengiktirafan

03



## LPJ Receive International Diamond Prize For Excellence In Quality 2023

11 July 2023, Brussels, Belgium - Johor Port Authority (LPJ) received the 'International Diamond Prize for Excellence in Quality 2023' award from the European Society for Quality Research in conjunction with the International Diamond Prize for Excellence in Quality 2023 Convention. LPJ has been selected to receive this award based on its commitment towards Quality Management practices through aspects of leadership, customer focus, innovation and continuous improvement.

LPJ is the first Malaysian port to receive this distinguished accolade. This award is a recognition of LPJ's efforts to achieve the vision of making Johor the preferred port of choice.

**Recognition of LPJ at the National Energy Awards 2022 and ASEAN Energy Awards 2022:** March 9, 2023, M Resort & Hotel, Kuala Lumpur – LPJ received the Merit Award in the Energy Efficient Building - Tropical Building category at the National Energy Awards 2022 (NEA 2022). This award recognizes LPJ's efforts in sustainable energy management, where LPJ also secured Second Place in the ASEAN Energy Awards 2022 (AEA 2022) in the same category.



## LPJ Terima

## International Diamond Prize For Excellence in Quality 2023

11 Julai 2023, Brussels, Belgium - Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah menerima anugerah *International Diamond Prize for Excellence in Quality 2023* daripada *European Society for Quality Research* sempena Konvensyen *International Diamond Prize for Excellence in Quality 2023*. LPJ telah dipilih untuk menerima anugerah ini berdasarkan komitmennya terhadap amalan Pengurusan Kualiti melalui aspek kepimpinan, fokus pelanggan, inovasi, dan penambahbaikan berterusan.

LPJ adalah pelabuhan Malaysia pertama yang menerima pengiktirafan berprestij ini. Anugerah ini merupakan penghargaan terhadap usaha LPJ dalam mencapai visi menjadikan Johor sebagai pelabuhan pilihan utama.



## PENGIKTIRAFAN LPJ DI NATIONAL ENERGY AWARDS 2022 DAN ASEAN ENERGY AWARDS 2022:

9 Mac 2023, M Resort & Hotel, Kuala Lumpur - LPJ menerima Anugerah Merit untuk kategori Bangunan Tenaga Cepak - Bangunan Tropika di majlis National Energy Awards 2022 (NEA 2022). Anugerah ini mengiktiraf usaha LPJ dalam pengurusan tenaga mampan, di mana LPJ juga meraih Tempat Kedua dalam ASEAN Energy Awards 2022 (AEA 2022) untuk kategori yang sama.



## Bangunan LPJ Capai Label 5 Bintang untuk penilaian Building Energy Intensity

25 Oktober 2023, Putrajaya – YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar, dan Kelestarian Alam (NRES), telah menyampaikan *National Building Energy Label* kepada tujuh (7) bangunan yang terpilih untuk penilaian *Building Energy Intensity 2022 (BEI)* yang merangkumi bangunan kerajaan dan bangunan swasta. BEI merupakan alat penanda aras dalam memantau prestasi penggunaan tenaga sesebuah bangunan.

Bangunan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah dipilih sebagai salah satu bangunan kerajaan yang berjaya mencapai label 5 Bintang dengan bacaan BEI 2022 sebanyak 64 kWj/m<sup>2</sup>/tahun.

## LPJ Building Achieved 5 Star label for the Building Energy Intensity 2022 (BEI) Rating

25 October 2023, Putrajaya – YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad, Minister of Natural Resources, Environment, and Sustainability (NRES), has made the presentation of the National Building Energy Label to seven (7) buildings selected for the Building Energy Intensity 2022 (BEI) rating which includes government buildings and private buildings. BEI is a benchmark tool in monitoring the performance of building's energy use.

LPJ Building has been chosen as one of the government buildings that has achieved the 5 Star label with the BEI reading of 2022 of 64 kWh/m<sup>2</sup>/year.



# LPJ Memenangi Tempat Pertama

## Pertandingan Laman Indah Pasir Gudang 2023

### Kategori Bangunan Pejabat (Kerajaan/Swasta & IPT)

#### LPJ Wins First Place Laman Indah Pasir Gudang Competition 2023


- Office Building Category  
(Government/Private & IPT)

18 January 2024 - LPJ was awarded the Champion of the Laman Indah Pasir Gudang Competition 2023 in the Office Building category (Government/Private & IPT) by the Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).

The creation of attractive landscape decoration ideas brought to life on the ground, contributes to the greening of Pasir Gudang City, showcasing the beauty of neatly arranged and colorful plants.

18 Januari 2024 - Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) dinobatkan sebagai Johan pertandingan Laman Indah bagi kategori Bangunan pejabat (Kerajaan/swasta & IPT) 2023 oleh Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).

Penghasilan idea dekorasi landskap yang menarik, yang diterjemah di atas tanah dapat menyumbang kepada penghijauan Bandaraya Pasir Gudang dengan keindahan tumbuhan bersulam warna-warni yang kemas dan bersih.



# PENCAPAIAN KPI UTAMA

## KEY PERFORMANCE INDEX ACHIEVEMENT

### 01 Pengendalian Kontena dan Kargo Container and Cargo Handling



#### SASARAN TARGET 2023

|                                                                                   |                                                                                                                   |                                                                                  |                                                                                                 |
|-----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pengendalian Kontena di PTP<br>Container handling at PTP<br>10.5 Juta Million TEU | Pengendalian Kontena di Pelabuhan Pasir Gudang<br>Container handling at Pasir Gudang Port<br>0.9 Juta Million TEU | Pengendalian Kargo Selain Kontena<br>Other Cargo Handling<br>19 Juta Million FWT | Pengendalian Kargo Jeti Persendirian<br>Cargo Handling at Private Jetties<br>87 Juta Million MT |
|-----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|

#### PENCAPAIAN ACHIEVEMENT 2023

|                                 |                            |                              |                                    |
|---------------------------------|----------------------------|------------------------------|------------------------------------|
| 10,480,537 TEU<br><b>99.81%</b> | 941,086 TEU<br><b>105%</b> | 16,750,000 FWT<br><b>88%</b> | 96,327,011.71 MT<br><b>110.72%</b> |
|---------------------------------|----------------------------|------------------------------|------------------------------------|

### 02 Jumlah Kutipan Hasil Total Revenue Collection



#### SASARAN TARGET 2023

|                                                    |                                                      |
|----------------------------------------------------|------------------------------------------------------|
| Pendapatan Utama<br>Primary Income<br>RM75,276,740 | Lain-lain Pendapatan<br>Other Income<br>RM21,846,000 |
|----------------------------------------------------|------------------------------------------------------|

#### PENCAPAIAN ACHIEVEMENT 2023

|                            |                            |
|----------------------------|----------------------------|
| RM70,297,754<br><b>96%</b> | RM21,705,071<br><b>99%</b> |
|----------------------------|----------------------------|

### 03 Jumlah Perbelanjaan Total Expenditure



#### SASARAN TARGET 2023

|                                                                      |                                                                        |
|----------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|
| Perbelanjaan Operasi<br>Operation Expenditure (OPEX)<br>RM52,883,252 | Perbelanjaan Pembangunan<br>Capital Expenditure (CAPEX)<br>RM5,866,200 |
|----------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|

#### PENCAPAIAN ACHIEVEMENT 2023

|                            |                           |
|----------------------------|---------------------------|
| RM49,683,112<br><b>89%</b> | RM2,054,771<br><b>33%</b> |
|----------------------------|---------------------------|

### 04 Tunggakan Hasil Operasi Outstanding Operating Revenue

#### PENCAPAIAN ACHIEVEMENT 2023



RM10,023,664  
**100%**

### 05 Kajian Penyediaan Draf Business Model Sebagai Syarat Pemilikan Tanah di Johor



Study on the Preparation of a Draft Business Model as a Requirement for Land Ownership in Johor.

### 06 Kajian Garis Pangkal Pelepasan *Emission* / Karbon di Pelabuhan Johor Baseline Emission/Carbon Release Study at Johor Port.



# PENCAPAIAN KPI UTAMA

## KEY PERFORMANCE INDEX ACHIEVEMENT

**07** Program Pemuliharaan Sungai di Dalam Kawasan Pelabuhan Pasir Gudang  
River Conservation Program within the Pasir Gudang Port Area

**Program Penanaman Semula Pokok**  
Bakau bersama dengan PTP  
Mangrove Replanting Program in Collaboration with PTP

**08** Pengurusan Kecekapan Tenaga Elektrik - Pensijilan Energy Management Gold Standard (EMGS)  
Electricity Energy Efficiency Management - Energy Management Gold Standard (EMGS) Certification

(Melaksanakan Inisiatif Bagi Tujuan Ke Arah Mencapai Skor 76% pH JKR)  
(Implementing Initiatives Towards Achieving a 76% pH JKR Score)

**09** Pelaksanaan Projek Integrasi data antara sistem eDSL (KPM) dan eBunkering / MMS LPJ  
Implementation of Data Integration Project Between eDSL System (KPM) and eBunkering / MMS LPJ

**10** Integration Transportation Track & Trace (INTACT)  
(Ujicuba Integrasi Sistem PTMS dan Asset Digitalization - PTP)  
(Trial Integration of the PTMS System and Asset Digitalization - PTP)

**11** Kajian Awal Kebolehlaksanaan Kutipan Hasil Lay Up Dius oleh LPJ  
Draft Preliminary Feasibility Study on Lay-Up Revenue Collection Prepared by LPJ

**12** Penyediaan Deraf Pengukuhan dan Penstrukturan Organisasi LPJ  
Preparation of the Draft for Strengthening and Restructuring of LPJ Organization

**13** Melaksanakan Semakan Semula Pelan Strategik LPJ (Mid Term Review)  
Implementing the Mid-Term Review of LPJ Strategic Plan

**Semakan Semula Pelan Strategik Pendigitalan LPJ 2021-2025**  
Review of the LPJ Digitalization Strategic Plan 2021-2025

# Chairman's Statement General Manager's Report

## Perutusan Pengerusi & Laporan Pengurus Besar

04



# Perutusan Pengerusi



## Kerangka Penguatkuasaan dan Transformasi Digital

Sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan, LPJ berperanan penting sebagai badan kawalselia dan memudahcara operasi pelabuhan. Pada tahun 2023, LPJ memperluas kerangka penguatkuasaan untuk mempromosikan kecekapan pelabuhan, digitalisasi, dan kelestarian. Salah satu tumpuan utama adalah transformasi digital dalam operasi pelabuhan. Integrasi sistem digital, seperti sistem eDSL ke dalam sistem MMS LPJ, telah meningkatkan pengurusan kapal dan operasi pelabuhan dengan ketara. Saya gembira bahawa inisiatif ini telah meningkatkan kecekapan keseluruhan operasi pelabuhan serta menghasilkan produktiviti dan keselamatan yang lebih tinggi.

Usaha ke arah penambahbaikan penguatkuasaan diperkukuhkan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak serantau dan global. Kolaborasi ini telah mendorong inovasi, pembangunan infrastruktur, dan penambahbaikan penguatkuasaan demi memastikan pelabuhan Johor kekal berdaya saing di samping mematuhi piawaian kelestarian antarabangsa. Pendekatan proaktif LPJ dalam melaksanakan dasar pandang ke hadapan menegaskan komitmen kami untuk menyesuaikan diri dengan keperluan industri maritim yang dinamik dan mempromosikan pelabuhan Johor sebagai Gerbang Selatan Malaysia.

## Penglibatan dan Kolaborasi Antarabangsa

Dalam usaha berterusan menyokong pencalonan Malaysia untuk kedudukan dalam Kategori C *International Maritime Organization (IMO) Council* bagi tempoh 2023-2025, saya berbesar hati dengan penglibatan aktif LPJ dengan negara-negara Afrika Timur dan Selatan untuk mendapatkan sokongan melalui sumbangan dalam penganjuran program pembinaan kapasiti di Nairobi, Kenya, serta penyertaan di *Reunion Maritime Week*. Di samping itu, LPJ telah menawarkan untuk menganjurkan program latihan di lapangan untuk pelajar Pasca Siswazah dari *World Maritime University (WMU)* di pelabuhan-pelabuhan Johor bagi mewujudkan hubungan jangka panjang dengan pemimpin maritim masa depan dunia. Lawatan kerja LPJ ke pelabuhan utama di Eropah iaitu Pelabuhan Rotterdam dan Pelabuhan Antwerp Bruges telah membuka peluang baharu dalam merundingkan penyelidikan dan pelan induk pembangunan pelabuhan. Penglibatan aktif ini bukan sahaja memperkukuh jaringan global Johor, malah turut menekankan komitmen LPJ untuk menyumbang kepada agenda maritim global sambil memastikan pelabuhan di Johor kekal berdaya tahan dan kompetitif dalam industri yang berkembang pesat.

Satu penghormatan bagi saya untuk membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) bagi tahun 2023. Tahun ini diwarnai dengan gabungan cabaran dan peluang berikutan kelembapan ekonomi global dan ketidaktentuan ekonomi yang ketara susulan konflik Ukraine-Rusia dan Israel-Palestin serta perubahan dasar kewangan. Tekanan luaran ini secara tidak langsung telah memberi kesan kepada operasi pelabuhan di seluruh dunia, termasuk yang di bawah bidang kuasa LPJ. Bagaimanapun, pelabuhan utama Johor seperti Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas – termasuk terminal dan jeti persendirian telah menunjukkan daya tahan yang luar biasa. Keupayaan mereka untuk beradaptasi dan berinovasi menggambarkan dedikasi LPJ serta rakan kongsinya dalam menerajui operasi pelabuhan yang mampan dan berkesan. Ekosistem logistik Johor terus berkembang, memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi dan memudahcara perdagangan negeri.

# Chairman's Message

**“Active engagements not only enhanced Johor’s global connectivity but also underscores LPJ’s commitment to contributing to the global maritime agenda while ensuring Johor ports remain resilient and competitive in a rapidly evolving industry.”**

It is my distinct honour and privilege to present Johor Port Authority (LPJ) Annual Report for 2023. This year has been marked by a mix of challenges and opportunities due to global economy slowdown and high economic uncertainty following the Ukraine-Russia and Israel-Palestine conflicts and monetary policy shift. These external pressures inevitably impacted port operations worldwide, including those under LPJ jurisdiction. Despite these challenges, Johor key ports namely Pasir Gudang Port and Port of Tanjung Pelepas – along with our independent terminals and jetties, had demonstrated remarkable resilience. Their ability to adapt and innovate reflects LPJ and its partners’ commitment to drive sustainable and efficient port operations. Johor’s logistics ecosystem continues to thrive, making significant contribution to the state’s economic development and trade facilitation.

## Regulatory Framework and Digital Transformation

As a statutory body under the Ministry of Transport, LPJ plays a pivotal role as both a regulator and facilitator of port operations. In 2023, LPJ expanded the regulatory framework to promote port efficiency, digitalization, and sustainability. One of the primary focuses has been the digital transformation of port operations. The integration of digital systems, such as the eDSL system into LPJ MMS system, has significantly enhanced vessel management and port operations. I am glad to note that these initiatives had improved the overall efficiency of port operations leading to increased productivity and safety.

Progress towards regulatory enhancements have been complemented by strategic partnerships with various regional and global players. These collaborations have fostered innovation, infrastructure development, and regulatory improvements, ensuring Johor ports remain competitive while adhering to international sustainability standards. LPJ’s proactive approach to implementing forward-looking policies underscores our commitment to adapting to the dynamic needs of the maritime industry and promoting Johor ports as Malaysia’s Southern Gateway.

## International Engagement and Collaboration

In the ongoing effort to support Malaysia’s nomination for a position in Category C of the International Maritime Organization (IMO) Council for the period of 2023-2025, I am pleased with LPJ’s active involvement with Eastern and Southern African Countries to gain support through contributions to the organization of capacity building programmes in Nairobi, Kenya, as well as participation in Reunion Maritime Week. In addition, LPJ had offered to host the World Maritime University (WMU) Postgraduate Students a Field Training programme at Johor ports to establish a long lasting relationship with the future maritime leaders of the world. LPJ working visit to the leading ports in Europe namely the Port of Rotterdam and the Port of Antwerp Bruges had opened up a new opportunity in research and port development masterplan consultancy. These active engagements not only enhanced Johor’s global connectivity but also underscores LPJ’s commitment to contribute to the global maritime agenda while ensuring Johor ports remain resilient and competitive in a rapidly evolving industry.

## Prestasi Kewangan dan Kecekapan Operasi

Dengan sukacitanya saya melaporkan bahawa pada tahun 2023, LPJ kekal fokus pada kehematan kewangan dan kecekapan operasi yang membuahkan hasil yang positif. Berpanduan operasi pelabuhan yang kukuh di Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, hasil LPJ mencapai RM72.09 juta, sementara hasil lain pula meningkat kepada RM29.16 juta. Angka ini mencerminkan kepelbagaian usaha LPJ dan keupayaan untuk mengemudi ketidaktentuan ekonomi dengan berkesan. Selain itu, strategi kutipan yang teliti mengurangkan tunggakan kepada RM9.29 juta, daripada RM10.49 juta menjelang akhir tahun 2022. Ini menunjukkan komitmen LPJ terhadap pengurusan kewangan yang kukuh. Saya berpuas hati bahawa keuntungan LPJ selepas cukai dan zakat sebanyak RM40.663 juta yang telah menunjukkan sedikit peningkatan dari tahun sebelumnya. Bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan, LPJ terus melabur dalam deposit tetap yang meningkat kepada RM222.96 juta, dan pelaburan dalam hartanah, dan peralatan berjumlah RM125.58 juta, menunjukkan komitmen LPJ untuk pertumbuhan masa depan. Sebagai penghargaan kepada tenaga kerja berdedikasi LPJ, sumbangan kepada faedah pekerja ditingkatkan, dan faedah baharu turut ditawarkan.

## Penstrukturan Semula Organisasi

Di peringkat dalaman, LPJ terus melaksanakan usaha penstrukturan semula organisasi mengikut keperluan. Proses berterusan ini bertujuan meningkatkan kecekapan operasi, memperkemaskan proses, dan lebih selari dengan matlamat strategik. Perubahan ini bertujuan untuk memperkukuhkan keupayaan LPJ dalam memenuhi permintaan industri, meningkatkan penyampaian perkhidmatan, dan memastikan LPJ kekal tangkas dan berkesan dalam memenuhi tanggungjawab pengawalseliaan dan pemudahcaraan.

## Pencapaian Cemerlang LPJ

Komitmen LPJ terhadap kecemerlangan pada tahun 2023 diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara anugerah yang diberikan kepada LPJ termasuk *ASEAN Energy Efficiency and Conservation Best Practices Award for Energy Management in Buildings & Industries*, serta *National Energy Awards for Energy-Efficient Building in the Tropical Building category*. Bangunan LPJ juga menerima *5-Star National Building Energy Label*. Anugerah ini mengesahkan dan menjadi bukti kepimpinan LPJ dalam menguruskan kecekapan tenaga dan kemampanan, sekali gus mengukuhkan lagi peranan LPJ sebagai perintis dalam pelaksanaan 'pelabuhan hijau'. Antara pencapaian terbesar adalah penerimaan *International Diamond Prize for Excellence in Quality 2023 by the European Society for Quality Research*. Pengiktirafan ini menonjolkan komitmen LPJ terhadap pengurusan kualiti, kepimpinan dan inovasi.

## Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Penglibatan Pemegang Taruh

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kekal sebagai teras aktiviti LPJ. Saya terharu dengan inisiatif LPJ CARES, yang dilancarkan pada tahun 2015, telah memberikan impak yang besar kepada komuniti di 10 daerah di negeri Johor. Pada tahun 2023, program ini memberi tumpuan kepada pendidikan, pembangunan sosioekonomi, dan kelestarian alam sekitar yang memberi manfaat kepada lebih 160,000 individu. Kerjasama dengan Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ), Pejabat Daerah, Jabatan Pendidikan, MERCY Malaysia dan organisasi lain telah membolehkan LPJ menyediakan bantuan sokongan, barangan keperluan dan kewangan kepada golongan yang kurang bernasib baik dan keluarga yang memerlukan serta mereka yang terjejas akibat bencana seperti mangsa banjir di Segamat, Kota Tinggi dan Batu Pahat.

Saya amat berterima kasih kepada LPJ dalam memenuhi kewajipan agama tahunan dan pembayaran zakat sebanyak RM4.72 juta kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). 3/8 daripada jumlah tersebut diberikan semula kepada LPJ dalam bentuk wakalah untuk diagihkan kepada 3 kategori asnaf iaitu Fakir, Miskin dan Fisabilillah. Ianya telahpun disalurkan dengan sewajarnya dan memberi manfaat kepada lebih 5,000 individu, mencerminkan komitmen LPJ terhadap kesejahteraan masyarakat.

Sebagai organisasi yang peka terhadap alam sekitar, saya gembira untuk menjadi sebahagian daripada pengurusan LPJ dalam melaksanakan Program Penanaman Semula Bakau di Taman Negara Tanjung Piai, yang telah menyaksikan penanaman 36,000 anak pokok dan komitmen untuk menanam 160,000 lagi dalam tempoh lima tahun akan datang. Inisiatif ini selaras dengan matlamat kelestarian alam sekitar global dan menonjolkan dedikasi LPJ dalam memelihara ekosistem pantai dan habitat semula jadi.

## Financial Performance and Operational Efficiency

I have the pleasure to report that in year 2023, LPJ had remained focused on financial prudence and operational efficiency, yielding positive results. Driven by strong port operations at Johor Port and Port of Tanjung Pelepas, LPJ revenues reached RM72.09 million while other revenues grew to RM29.16 million. These figures reflect LPJ diversification efforts and ability to navigate economic uncertainties effectively. Additionally, our diligent collection strategies reduced arrears to RM9.29 million from RM10.49 million by end of 2022 showcasing our commitment to sound financial management. I am indeed satisfied that LPJ profit after tax and zakat of RM40.663 million had shown a slight increase from the previous year. In sustaining financial security, LPJ continued to invest in fixed deposits increasing to RM222.96 million and investments in property, and equipment stood at RM125.58 million, underscoring our commitment for future growth. In thanking LPJ dedicated workforce, contributions to employee benefits were increased and new benefits were offered.

## Organizational Restructuring

Internally, LPJ continued its organizational restructuring effort where appropriate. This ongoing process is designed to enhance operational efficiency, streamline processes, and better align our structure with strategic objectives. These changes aim to strengthen LPJ capability to respond to industry demands, improve service delivery, and ensure that LPJ remains agile and effective in fulfilling its regulatory and facilitation obligations.

## Notable LPJ Achievements

LPJ's commitment to excellence in 2023 was recognized both nationally and internationally. Among the accolades being conferred to LPJ include the ASEAN Energy Efficiency and Conservation Best Practices Award for Energy Management in Buildings & Industries and the prestigious National Energy Awards for Energy-Efficient Building in the Tropical Building category. LPJ building also received the coveted 5-Star National Building Energy Label. These accolades reaffirm and a testament to LPJ's leadership in energy efficiency management and sustainability, further cementing LPJ's role as a pioneer in the green port movement. Topping the achievements is LPJ receiving the International Diamond Prize for Excellence in Quality 2023 by the European Society for Quality Research. This recognition highlights LPJ's commitment to quality management, leadership and innovation.

**I am indeed satisfied that LPJ profit after tax and zakat of RM40.663 million had shown a slight increase from the previous year.**

## Corporate Social Responsibility (CSR) and Stakeholder Engagement

Corporate Social Responsibility (CSR) remains at the heart of LPJ's activities. I am touched by the LPJ CARES initiative, launched in 2015, which has made a meaningful impact on communities in all the 10 districts in Johor. In 2023, the programme focused on education, socioeconomic development, and environmental sustainability, benefitting over 160,000 individuals. Collaborations with the *Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ)*, District Offices, Education Departments, MERCY Malaysia and other organisations had enabled LPJ to provide vital support, essential items and financial aid to the less fortunate and under privilege families and those affected by calamities such as flood victims in Segamat, Kota Tinggi and Batu Pahat.

I am deeply grateful to LPJ for fulfilling the annual religious obligation and paid RM4.72 million in zakat to Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) and in return 3/8 of the amount was given back to LPJ in the form of wakalah to be distributed to 3 category of asnaf namely Fakir, Miskin and Fisabilillah which has been duly extended benefitting over 5,000 individuals, reflecting LPJ's commitment to community welfare and wellbeing.

Being environmentally conscious, I am thrilled to be part of LPJ stewardship in implementing the Mangrove Replanting Programme at Tanjong Piai National Park, which has seen the planting of 36,000 seedlings and set to expand with a commitment to plant 160,000 more over the next five years. This initiative aligns with global environment sustainability goals and highlight LPJ's dedication to preserving coastal ecosystems the natural habitat.

## Pelabuhan dan Jeti Persendirian: Cabaran dan Pencapaian

Pada tahun 2023, walaupun kesan pandemik COVID-19 berterusan dan ketegangan geopolitik menyebabkan gangguan pada jadual penghantaran dan rantai bekalan, saya berasa kagum dengan ketahanan luar biasa yang ditunjukkan oleh Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas dalam mengatasi situasi yang sukar ini.

Walaupun bagaimanapun, tahun 2023 merupakan tahun bersejarah bagi Pelabuhan Pasir Gudang yang mencapai pendapatan tertinggi sebanyak RM728 juta sejak penubuhannya pada tahun 1992 serta jumlah singgahan kapal tertinggi sebanyak 7,347 kapal, membawa kepada peningkatan hasil marin tertinggi sebanyak 28% berbanding 15% pada tahun 2018. Prestasi pertumbuhan yang tinggi melebihi 7% dalam kargo pukal kering yang didorong oleh peningkatan simen *clinker* dan kargo *transshipment* untuk batuan mineral dan baja adalah luar biasa, namun permintaan yang rendah terhadap produk minyak sawit dan petrokimia telah menjejaskan jumlah konvensional keseluruhan sebanyak 16.75 juta tan. Pelabuhan Pasir Gudang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2% dalam jumlah kontena sebanyak 941,086 TEU selepas tiga tahun penyusutan sejak pandemik. 99% daripada jumlah tersebut adalah kontena import dan eksport dengan hanya 1% jumlah *transshipment* merupakan bukti pasaran tumpuan Pelabuhan Pasir Gudang. Walaupun terdapat turun naik dalam jumlah perdagangan, Pelabuhan Pasir Gudang memperluas keupayaan pengendalian kontena dan menaik taraf infrastrukturnya untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Sebaliknya, di tengah-tengah ketidakpastian global yang berterusan dan sebagai pengendali pelabuhan tunggal terbesar di Malaysia, PTP terus menyediakan perkhidmatan yang boleh dipercayai, cekap dan progresif kepada syarikat perkapalan utama dan operator kontena, menyediakan pengeluar di Malaysia dan luar negara dengan rangkaian yang luas ke pasaran global. Dengan kapasiti tahunan untuk mengendalikan 13 juta TEU, saya kagum dengan prestasi pada tahun 2023 di mana jumlah pengendalian PTP mencapai 10.5 juta TEU, mencerminkan pengoperasian pelabuhan, ketahanan perniagaan dan kepercayaan pelanggan. Saya gembira untuk menyatakan PTP telah diiktiraf sebagai pelabuhan kontena ke-5 paling cekap di dunia, menurut *World Bank and S&P Global Market Intelligence in the latest Container Port Performance Index (CPPI) 2023*. Melangkah ke hadapan, PTP berhasrat untuk berkembang dengan rancangan untuk meningkatkan kapasiti terminalnya daripada 13 juta kepada 16 juta TEU menjelang tahun 2025.

Pada tahun 2023, terminal dan jeti persendirian di Johor menunjukkan prestasi yang kukuh, disokong oleh pembangunan besar dalam infrastruktur minyak, gas dan petrokimia. *Pengerang Deepwater Terminal* (PDT) memainkan peranan utama dengan terus membangun sebagai hab penyimpanan minyak dan gas yang utama. Selain itu, Petronas dan Saudi Aramco melabur dalam pembesaran Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) dengan dermaga air dalamnya untuk mengubah Johor menjadi hab serantau bagi pemprosesan akhir minyak dan gas. Terminal persendirian lain seperti Terminal Pelabuhan Tanjung Langsung (TLPT) dan Terminal Minyak ATB, Tanjung Bin juga menyumbang kepada prestasi kukuh pelabuhan di Johor. Secara keseluruhan, terminal dan jeti persendirian ini mendapat manfaat daripada permintaan global terhadap minyak dan gas yang mengukuhkan kedudukan mereka sebagai pemain utama dalam sektor tenaga Asia Tenggara.

## Prospek Masa Depan

Menuju tahun 2024, saya optimis bahawa prospek pelabuhan di Johor menjanjikan beberapa dasar, pembangunan dan trend utama yang dijangka memacu pertumbuhan. LPJ sedar dan peka akan peranannya sebagai badan kawal selia dan pemudahcara, dan saya sepenuhnya bersetuju bahawa pelabuhan di Johor berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang perdagangan serantau dan global serta aliran pelaburan. Johor kini muncul sebagai destinasi utama bagi pelaburan langsung asing dengan pelbagai projek besar yang dirancang.

Sebagai kesimpulan, saya berpandangan dan yakin bahawa pelabuhan Johor bersedia untuk memainkan peranan penting dalam memacu kemajuan ekonomi dan mengekalkan kelebihan daya saing dengan membina ekosistem pelabuhan yang berdaya tahan dan lestari serta sentiasa bersedia untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan permintaan pasaran yang sentiasa berubah. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyumbang kepada kejayaan pelabuhan Johor. Dari Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan hingga rakan kongsi, pihak berkepentingan dan pengguna pelabuhan yang kami hargai, sokongan dan komitmen anda yang tidak berbelah bagi telah menjadi faktor utama dalam pencapaian sepanjang tahun 2023. Melalui usaha kolektif inilah pelabuhan Johor terus berkembang, dan saya menantikan pencapaian yang lebih besar pada tahun 2024.

**Haji Rosnan Fathlal**  
**Pengerusi, Lembaga Pengarah**  
**Lembaga Pelabuhan Johor**

## Ports and Private Jetties: Challenges and Achievements

In 2023 despite the ongoing effects from COVID-19 pandemic and continued geopolitical tensions that caused shipping schedules and supply chain disruptions, I am encouraged by the remarkable resilience showed by both Pasir Gudang Port and the Port of Tanjung Pelepas in dealing with the difficult situation.

Nevertheless 2023 was a historic year for Johor Port achieving the highest revenue of RM728 million since its inception in 1992 and the highest vessel calls of 7,347 vessels resulting in the highest marine revenue of 28% from the previous 15% in 2018. A high growth performance of more than 7% in Dry Bulk driven by increased Cement Clinker and Transshipment Cargo for Earth Mineral and Fertilizers was commendable but the soften demand of palm Oil and Petrochemical products however impacted the overall Conventional volume of 16.75 million tonnes. Johor Port recorded a 2% YoY growth in Container volume of 941,086 TEUs after 3 years of contraction since the Pandemic. 99% of the volume is Import and export Containers with a mere 1% transshipment volume; which is a testament to Johor Port captive market. Despite fluctuations in trade volumes, Johor Port expanded its container handling capacities and upgraded its infrastructure to meet growing demand.

On the other hand, amidst on-going global uncertainties and being Malaysia's biggest single port operator, PTP continued to deliver reliable, efficient and advanced services to major shipping lines and container operators, providing shippers in Malaysia and abroad extensive connectivity to the global market. With the annual capacity to handle 13 million TEUs, I am impressed with the performance in 2023 in which PTP's throughput volume reached 10.5 million TEUs thus reflecting the port's operational, business resilience and customers trust. I am delighted to note that PTP has been recognised as the 5th most efficient container port in the world, according to the World Bank and S&P Global Market Intelligence in the latest Container Port Performance Index (CPPI) 2023. Looking ahead PTP is set to expand with plans to increase its terminal capacity from the current 13 million to 16 million TEUs by 2025.

In 2023, independent terminals and jetties in Johor performed strongly, supported by substantial developments in oil, gas and petrochemical infrastructure. The Pengerang Deepwater Terminal (PDT) played a central role continuing its development as a major oil and gas storage hub. In addition, Petronas and Saudi Aramco invested in the expansion of the Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC) with its deepwater berths to transform Johor into a regional hub for downstream oil and gas processing. Other independent terminals such as Tanjung Langsat Port Terminal (TLPT) and ATB Oil Terminal, Tanjung Bin also contributed to Johor ports strong performance. Overall, these independent terminals and jetties benefited from global demand for oil and gas further solidifying their positions as key players in Southeast Asia's energy sector.

## Future Outlook

Navigating into 2024, I am sincerely optimistic that the outlook for Johor ports is promising with several key policies, developments and trends expected to drive growth. LPJ is aware and conscious of its role as regulator and facilitator, and I fully agree that Johor ports are well-positioned to capitalise on regional and global trade opportunities and investment flows. Johor is emerging as a key destination for foreign direct investment with major projects in the pipeline.

In conclusion, I am of the view and confident, that Johor ports are poised to play a pivotal role in driving economic progress and maintain the competitive edge by building a resilient and sustainable port ecosystem and ever ready to adopt and adapt to evolving market demands. I would like to therefore take this opportunity to extend my deepest gratitude to all those who have contributed to Johor ports success. From the board members, the management and staffs to our valued partners, stakeholders and port users, your unwavering support and commitment have been instrumental in achieving the milestones throughout 2023. It is through this collective effort that Johor ports continue to thrive, and I look forward to even greater achievements in the year 2024.

**Haji Rosnan Fathlal**  
**Chairman, Board of Directors**  
**Johor Port Authority**

# LAPORAN PENGURUS BESAR



## 1.0 **PENCAPAIAN PELABUHAN PASIR GUDANG**

Kapasiti pengendalian kargo di Pelabuhan Pasir Gudang pada tahun 2023 adalah sebanyak 29,049,110 FWT, dan menurun sebanyak 1,746,367 FWT atau 6% berbanding tahun 2022 yang merekodkan 30,795,477 FWT.

Bagi kargo konvensional, terdapat penyusutan sebanyak 12% daripada 19,061,304 FWT pada 2022 kepada 16,749,105 FWT pada 2023. Sebaliknya, jumlah pengendalian kontena meningkat sebanyak 2%, daripada 918,598 TEU kepada 941,086 TEU.

### 1.1 **Pengendalian Kargo Pukal Cecair**

Jumlahendalian Kargo Pukal Cecair pada tahun 2023 mencatatkan penurunan sebanyak 17% (2,456,320 MT) berbanding tahun 2022, daripada 14,476,221 MT kepada 12,019,902 MT.

Penurunan ini berpunca daripada prestasiendalian kargo minyak sawit, petroleum, dan petrokimia yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.

Faktor utama penurunanendalian Kargo Pukal Cecair (Berasaskan Makanan), khususnya Minyak Sawit, adalah kerana pemain utama seperti FGV Johore Bulk Sdn. Bhd. dan Pacific Oil & Fats Industries Sdn. Bhd. menghadapi cabaran menembusi pasaran Kesatuan Eropah (EU) akibat isu pemusnahan hutan. NGO di EU mendakwa bahawa penebangan hutan menyumbang kepada perubahan iklim, kehilangan biodiversiti, dan pembangunan mampan.

Malaysia, sebagai pengeksport utama minyak sawit dunia, sering dikaitkan dengan pemusnahan hutan serta isu-isu alam sekitar dan sosial berkaitan. Minyak sawit digunakan secara meluas dalam pelbagai industri seperti makanan, kosmetik, dan biofuel, dan EU merupakan antara pengimport terbesar produk minyak sawit dari Malaysia.

Walau bagaimanapun, penurunan keseluruhan dalam peraturan pengendalian Kargo Pukal Cecair yang mencapai pengurangan 17% dapat diatasi, dengan peningkatan yang ketara dalam kategori lain, iaitu Kargo Pukal Cecair (berasaskan makanan), yang melonjak sebanyak 108%, daripada 743,092 kepada 1,547,474 MT.

### 1.2 **Pengendalian Kargo Pukal Kering**

Jumlahendalian Kargo Pukal Kering bagi tahun 2023 mencatatkan peningkatan sebanyak 7% berbanding tahun 2022, daripada 3,974,417 FWT kepada 4,248,018 FWT. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhanendalian kargo bukan Berasaskan Makanan, terutamanya klinker, simen, dan gipsum, yang mencatatkan kenaikan sebanyak 1,473,588 FWT atau 33% berbanding tahun 2022. Selain itu,endalian kargo baja juga menunjukkan prestasi positif dengan peningkatan sebanyak 443,024 FWT atau 9% berbanding tahun sebelumnya.

### 1.3 **Pengendalian Kargo Pukal Cerai**

Prestasiendalian Kargo Pukal Cerai mencatatkan penyusutan sebanyak 21% pada tahun 2023, daripada 610,666 FWT kepada 481,186 FWT berbanding tahun 2022. Penyusutan ini disebabkan oleh penurunan ketara dalamendalian kargo berasaskan keluli dan logam, yang merekodkan pengurangan sebanyak 86%. Selain itu,endalian kargo berbeg juga menunjukkan penurunan sebanyak 14% berbanding tahun sebelumnya.

# General Manager's Report

**Nevertheless, the overall percentage decline in Liquid Bulk Cargo handling was somewhat mitigated, reaching 17%, owing to a substantial increase in other categories of Liquid Bulk Cargo (food-based), which surged by an impressive 108%, from 743,092 to 1,547,474 MT.**

This decline was attributed to lower handling performance in Palm Oil, Petroleum, and Petrochemical cargoes compared to the previous year.

A key factor contributing to the decline in Liquid Bulk Cargo handling—particularly in the food-based category such as Palm Oil—was the challenges faced by major operators like FGV Johore Bulkiers Sdn. Bhd. and Pacific Oil & Fats Industries Sdn. Bhd. in accessing the European Union (EU) market, primarily due to deforestation concerns. Non-Governmental Organizations (NGOs) in the EU have asserted that deforestation is linked to climate change, biodiversity loss, and sustainable development.

As one of the world's leading exporters of Palm Oil, Malaysia has often found itself associated with deforestation and related environmental and social issues. Palm Oil is utilized extensively across various industries, including food, cosmetics, and biofuel, with the EU being one of the largest importers of Palm Oil products from Malaysia.

Nevertheless, the overall percentage decline in Liquid Bulk Cargo handling was somewhat mitigated, reaching 17%, owing to a substantial increase in other categories of Liquid Bulk Cargo (food-based), which surged by an impressive 108%, from 743,092 MT to 1,547,474 MT.

## 1.0

### PASIR GUDANG PORT ACCOMPLISHMENTS

In 2023, Pasir Gudang Port recorded a cargo handling capacity of 29,049,110 Freight Weight Tonnes (FWT), marking a decrease of 1,746,367 FWT, or 6%, compared to the 2022 figure of 30,795,477 FWT.

For conventional cargo, there was a notable decline of 12%, with handling volumes falling from 19,061,304 FWT in 2022 to 16,749,105 FWT in 2023. Conversely, container handling experienced a slight increase of 2%, rising from 918,598 TEUs to 941,086 TEUs.

#### 1.1 Liquid Bulk Cargo Handling

The total handling of Liquid Bulk Cargo in 2023 registered a significant 17% decrease, translating to 2,456,320 Metric Tonnes (MT) less than in 2022. The handling volumes fell from 14,476,221 to 12,019,902 MT.

#### 1.2 Dry Bulk Cargo Handling

In 2023, the total handling of Dry Bulk Cargo experienced a notable 7% increase compared to 2022, rising from 3,974,417 Freight Weight Tonnes (FWT) to 4,248,018 FWT. This growth was primarily driven by an increase in Non-Food-Based cargo, particularly Clinker, Cement, and Gypsum, which saw a substantial rise of 1,473,588 FWT, equivalent to 33% compared to the previous year. Additionally, the handling of fertilizers demonstrated positive performance, with an increase of 443,024 FWT, or 9%, relative to the prior year.

#### 1.3 Break Bulk Cargo Handling

The performance of Break Bulk Cargo handling saw a significant decline of 21% in 2023, dropping from 610,666 FWT to 481,186 FWT compared to 2022. This decline was primarily due to a notable reduction in the handling of Steel and Metal-based cargo, which experienced an 86% decrease. Furthermore, the handling of Bagged Cargo also declined by 14% compared to the previous year.

Faktor utama bagi penurunan ini adalah peralihan hampir 80% penghantaran kargo beras oleh Bernas kepada mod kontena pada pertengahan tahun 2023, kerana kos pengangkutan kontena yang lebih rendah berbanding pengangkutan pukal cerai.

**“Antara faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ini ialah kejayaan Johor Port Berhad (JPB) dalam mengendalikan kontena daripada Pengerang Integrated Complex (PIC) sejak Julai 2023, dengan purata mingguan sebanyak 550 TEU.”**

#### 1.4 Pengendalian Kargo Kontena

Pada separuh tahun pertama 2023, jumlah pengendalian kontena mengalami penurunan sebanyak 9%, dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya ialah kenaikan inflasi global yang memperlambatkan pasaran antarabangsa, serta kesan berterusan daripada perang Rusia-Ukraine yang bermula pada 2022, yang telah melemahkan permintaan import dan eksport di rantau tersebut. Tambahan pula, kekurangan tempahan daripada pengilang turut menyebabkan penurunan dalam jumlah eksport dan import.

Namun begitu, pada separuh tahun kedua 2023, terdapat lonjakan dalam pengendalian kontena dengan peningkatan sebanyak 64,185 TEU (14%), iaitu daripada 446,669 TEU kepada 510,854 TEU, berbanding tempoh yang sama pada 2022. Antara faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ini ialah kejayaan Johor Port Berhad (JPB) dalam mengendalikan kontena daripada Pengerang Integrated Complex (PIC) sejak Julai 2023, dengan purata mingguan sebanyak 550 TEU. PIC telah memilih Pelabuhan Pasir Gudang sebagai salah satu hab pengedaran utama di rantau Asia.

Selain itu, inisiatif komersial JPB yang bertujuan menangani penurunan jumlah kontena ‘gateway’ juga memainkan peranan penting dalam pemulihan ini. Inisiatif ini termasuk menggalakkan eksport kontena kosong oleh Evergreen Heavy Industry Corporation (EHIC), penggunaan mod multimodal bagi kargo pukal kering kepada kontena, serta memudahcara ‘ad-hoc calls’ oleh Main Line Operators (MLO). Pengaktifan semula perkhidmatan China Straits Express (CSE), yang digantung semasa pandemik COVID-19, turut menyumbang kepada peningkatan ini dengan tambahan 1,000 TEU setiap minggu.

Jumlah keseluruhan pengendalian kontena bagi tahun 2023 adalah sebanyak 941,086 TEU, mencatatkan peningkatan sebanyak 2% berbanding tahun 2022, yang merekodkan 918,598 TEU.

#### 1.5 Pengendalian Kontena di Lapangan Rel

Pada tahun 2023, pengendalian kontena melalui lapangan rel di Pelabuhan Pasir Gudang mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak 78%, daripada 20,767 TEU kepada 4,476 TEU berbanding tahun 2022. Penurunan mendadak ini disebabkan oleh keputusan Syarikat Perkapalan Maersk untuk beralih kepada mod pengangkutan laut, menggantikan penggunaan mod rel dalam operasi pengangkutan kontena mereka.

#### 1.6 Singgahan Kapal

Jumlah singgahan kapal di Pelabuhan Pasir Gudang pada tahun 2023 meningkat sebanyak 2.7% berbanding tahun 2022, daripada 3,864 singgahan kepada 3,968 singgahan. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh terminal kontena, di mana syarikat-syarikat perkapalan menggunakan kapal bersaiz kecil, yang meningkatkan frekuensi singgahan kapal. Selain itu, peningkatan ketara juga direkodkan di Pengerang Deepwater Terminals, yang menyaksikan peningkatan sebanyak 34.7%, daripada 1,487 singgahan kepada 2,003 singgahan. Faktor utama bagi peningkatan ini adalah Jeti 2 Pengerang (PT2SB), yang mencatatkan pertambahan 359 singgahan atau 100% berbanding tahun sebelumnya. PT2SB kembali beroperasi pada Jun 2022 selepas penutupan pada Mei 2020 akibat letupan di loji tersebut.

#### 1.7 Maklumat Perkembangan Dan Aktiviti di Zon Perdagangan dan Perindustrian Bebas

Kawasan Zon Perdagangan Bebas (FTZ) menjalankan pelbagai aktiviti termasuk pengendalian kargo pukal kering dan pukal cerai, serta pembungkusan dan pengedaran produk ke pasaran antarabangsa. Ia menghubungkan destinasi seperti Jepun, China, Eropah, Amerika Syarikat, Timur Tengah, dan negara-negara Asia.

Selain itu, Zon Perindustrian Bebas (FIZ) ditubuhkan khusus untuk aktiviti pemprosesan dan pengilangan, menghasilkan produk akhir untuk edaran di peringkat antarabangsa.

A major factor contributing to this decline was Bernas's decision to shift nearly 80% of its rice shipments to container mode in mid-2023, driven by the lower container freight costs compared to break bulk freight.

#### 1.4 Container Cargo Handling

In the first half of 2023, container handling recorded a 9% decline, influenced by multiple factors, including rising in global inflation, which hindered international market activity, and the ongoing ramifications of the Russia-Ukraine conflict, which commenced in 2022 and weakened import and export demand in the region. Additionally, a reduction in orders from manufacturers contributed to the decreased export and import volumes.

However, in the latter half of 2023, container handling experienced a substantial surge, with an increase of 64,185 TEUs (14%), rising from 446,669 TEUs to 510,854 TEUs compared to the same period in 2022. Key drivers of this growth included Johor Port Berhad's (JPB) success in managing containers from the Pengerang Integrated Complex (PIC) since July 2023, averaging 550 TEUs per week. PIC selected Pasir Gudang Port as one of its primary distribution hubs in the Asian region.

Moreover, JPB's commercial initiatives aimed at addressing the decline in gateway container volumes played a pivotal role in this recovery. These initiatives include promoting empty container exports by Evergreen Heavy Industry Corporation (EHIC), utilizing multimodal transport to convert dry bulk cargo into containers, and facilitating ad-hoc calls by Main Line Operators (MLO). The revival of the China Straits Express Service (CSE), which had been suspended during the COVID-19 pandemic, further contributed to this increase, adding 1,000 TEUs each week.



Overall, total container handling for 2023 reached 941,086 TEUs, reflecting a 2% increase compared to the 918,598 TEUs recorded in 2022.

#### 1.5 Container Handling at the Rail Terminal

In 2023, container handling via the rail terminal at Pasir Gudang Port experienced a significant decrease of 78%, falling from 20,767 TEUs to 4,476 TEUs compared to the previous year. This sharp decline was attributed to Maersk Shipping Company's decision to transition to maritime transport, effectively replacing rail for their container transportation operations.

#### 1.6 Vessel Calls

Conversely, the total number of vessels calls at Pasir Gudang Port in 2023 increased by 2.7% compared to 2022, rising from 3,864 calls to 3,968 calls. This growth was largely driven by container terminals, where shipping companies opted for smaller vessels, leading to increased call frequency. Additionally, a significant rise was observed at Pengerang Deepwater Terminals, which recorded a growth of 34.7%, from 1,487 calls to 2,003 calls. The primary factor contributing to this increase was Jetty 2 Pengerang (PT2SB), which added 359 calls, representing a 100% increase compared to the previous year. PT2SB resumed operations in June 2022 after being closed since May 2020 due to an explosion at the facility.

#### 1.7 Information on Developments and Activities in the Free Trade and Industrial Zone

The Free Trade Zone (FTZ) engages in a variety of activities, including the handling of dry bulk and breakbulk cargo, along with the packaging and distribution of products for international markets. It serves multiple destinations, including Japan, China, Europe, the United States, the Middle East, and various Asian countries.

Additionally, the Free Industrial Zone (FIZ) has been established to focus specifically on processing and manufacturing activities, producing final products intended for global distribution.

## 1.8 Penambahbaikan Infrastruktur dan Perkhidmatan Pelabuhan

Salah satu faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan JPB adalah pelaksanaan program penambahbaikan yang menyeluruh. Pada tahun 2023, pelbagai program penambahbaikan infrastruktur dan perkhidmatan pelabuhan telah dilaksanakan dengan jayanya. Antaranya adalah penggantian dan pemasangan fender baharu di Terminal Kontena W/M 380 dan W/M 397, serta Terminal Pukul dan Pukul Cerai di BT2, BT3, BT4, dan BT8.

Pemasangan fender baharu ini bukan sahaja meningkatkan keselamatan operasi di pelabuhan tetapi juga menyokong kelancaran proses pemindahan kargo. Fender yang ditambah baik memastikan kapal dapat berlabuh dengan lebih selamat, mengurangkan risiko kerosakan, dan meningkatkan kecekapan proses pemindahan kargo.


Dalam usaha meningkatkan kapasiti penyimpanan, JPB telah menambah ruang penyimpanan kargo dengan meningkatkan kapasiti gudang dari 3,457,919 kaki persegi kepada 3,557,919 kaki persegi. Ini dicapai melalui penambahan 100,000 kaki persegi di Gudang 7B3 dan Gudang 8B1, yang masing-masing menyumbang 50,900 kaki persegi dan 49,030 kaki persegi.

Penambahan ini memberi impak positif terhadap keupayaan JPB untuk mengendalikan pelbagai jenis kargo, termasuk kargo pukal dan kargo konvensional. Peningkatan ruang penyimpanan ini juga membolehkan JPB memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat, menjadikannya pilihan utama bagi pengendalian kargo di Malaysia.

JPB juga telah melaksanakan kerja pengerukan penyelenggaraan di pelbagai lokasi berdekatan, termasuk CT1, CT2, CT3, CT3A, BT2, BT5, BT6, BT11, dan BT12. Proses pengerukan ini penting untuk memastikan kedalaman pelabuhan mencukupi bagi membolehkan kapal besar berlabuh dengan selamat. Dengan kedalaman yang sesuai, kapal dapat beroperasi tanpa sebarang gangguan, yang seterusnya meningkatkan kecekapan dan keselamatan operasi pelabuhan.

Kerja-kerja menaikkan dan meratakan lantai di Gudang CFS dan On-Dock Depot Johor Container Terminal (JCT) juga telah dilaksanakan. Pembaikan ini membolehkan penggunaan ruang yang lebih efisien, memudahkan proses pemindahan kargo, dan meningkatkan keselamatan operasi di kawasan penyimpanan. Ruang yang lebih terurus akan memudahkan pelanggan untuk mengakses kargo mereka dengan lebih cepat dan mudah.

JPB juga tidak ketinggalan dalam meningkatkan keupayaan penyimpanan kontena sejuk beku di Terminal Kontena. Penambahan tempat letak kontena sejuk beku telah meningkatkan kapasiti penyimpanan dari 144 slot kepada 216 slot. Pembesaran ini amat perlu bagi menyokong pengendalian kargo yang memerlukan suhu terkawal, seperti makanan dan produk perubatan. Dengan meningkatnya keperluan untuk penyimpanan yang lebih baik bagi kargo sensitif suhu, penambahan ini bukan sahaja memenuhi permintaan semasa tetapi juga meningkatkan daya saing JPB di pasaran.



## 1.8 Improvements in Port Infrastructure and Services

A critical factor contributing to the success of JPB is its commitment to a comprehensive improvement programme. In 2023, several infrastructure and service enhancement initiatives were successfully executed. Notable among these were the replacement and installation of new fenders at Container Terminals W/M 380 and W/M 397, as well as at the Bulk and Breakbulk Terminals at BT2, BT3, BT4, and BT8.

The installation of these new fenders significantly enhances operational safety at the port, facilitating a smoother cargo transfer process. Improved fenders ensure that vessels can dock more securely, which reduces the risk of damage and increases the efficiency of cargo handling operations.

To further enhance storage capacity, JPB has expanded its cargo storage space by increasing warehouse capacity from 3,457,919 square feet to 3,557,919 square feet. This expansion was achieved through the addition of 100,000 square feet in Warehouse 7B3 and Warehouse 8B1, contributing 50,900 square feet and 49,030 square feet, respectively.

This enhancement positively impacts JPB's capability to handle a diverse range of cargo, including bulk and conventional items. The increased storage capacity allows JPB to meet the growing demands of its customers, solidifying its status as the preferred choice for cargo handling in Malaysia.

Moreover, JPB has undertaken maintenance dredging works at various nearby locations, including CT1, CT2, CT3, CT3A, BT2, BT5, BT6, BT11, and BT12. This dredging process is vital for maintaining sufficient water depth to ensure the safe docking of large vessels. By ensuring adequate depth, ships can operate without interruption, thereby enhancing the efficiency and safety of port operations.

Additionally, flooring uplift and levelling works have been completed in the CFS Warehouse and the On-Dock Depot at Johor Container Terminal (JCT). These enhancements facilitate more efficient space utilisation, ease cargo transfer processes, and improve operational safety in storage areas. Well-organised spaces lead to a better user experience, enabling customers to access their cargo more swiftly and conveniently.

Furthermore, JPB has made significant strides in enhancing its capacity for reefer container handling at the Container Terminal. The addition of reefer container spaces has expanded storage capacity from 144 slots to 216 slots. This expansion is crucial for supporting the handling of temperature-sensitive cargo, such as food and medical products. As the demand for improved storage solutions for temperature-sensitive cargo continues to rise, this development not only addresses current needs but also bolsters JPB's competitiveness in the market.





2.0

## PENCAPAIAN PELABUHAN TANJUNG PELEPAS

Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) berjaya mengharungi tahun 2023 yang penuh cabaran dalam industri pelabuhan dan logistik, yang terkesan dengan peningkatan kos operasi dan kelembapan ekonomi global. Pelbagai faktor luaran, termasuk risiko geopolitik dan dasar kewangan yang diperketatkan untuk mengekang inflasi, memberi impak kepada perdagangan serta aktiviti import dan eksport dunia. Malaysia, termasuk PTP, turut tidak terkecuali daripada kesan ini. Pada tahun 2023, jumlah kendalian kontena keseluruhan PTP direkodkan sebanyak 10.5 juta TEUs, mencatatkan penurunan sebanyak 0.3% berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu, PTP masih kekal sebagai pelabuhan terminal tunggal terbesar di Malaysia.

**“PTP masih kekal sebagai pelabuhan terminal tunggal terbesar di Malaysia.”**

Sepanjang tahun 2023, PTP telah mengambil langkah proaktif untuk menghadapi cabaran dan berjaya mencatatkan beberapa pencapaian utama. Antaranya, peningkatan dalam produktiviti operasi dengan peningkatan sebanyak 8% dalam *Gross Movement Per Hour (GMPH)* dan 7% dalam *Port Movements Per Hour (PMPH)* bagi operasi *mainliner*, berbanding tahun 2022. Selain itu, pembangunan Fasa 2C di Tanjung Adang yang meliputi 81 ekar tanah telah diselesaikan pada akhir Oktober 2023. Keseluruhan tanah ini telah dipajakan kepada dua syarikat gergasi, Maersk Logistics & Services, yang akan membina dua fasiliti gudang seluas 1.8 juta kaki persegi dengan pelaburan RM370 juta, dan Outspan Malaysia, yang merancang untuk melabur sebanyak RM1 bilion dalam tempoh lima tahun bagi pengembangan aktiviti pengilangan bahan tenusu.

PTP juga mencatatkan kejayaan dengan penubuhan Pusat Pengedaran Serantau oleh Hyster, syarikat pengeluar peralatan forklift dari Amerika Syarikat, di Zon Bebas PTP pada Julai 2023. Selain itu, syarikat Rancak Beta telah berjaya menyiapkan gudang setingkat seluas 255,000 kaki persegi pada Disember 2023, manakala Tiong Nam sedang giat membina gudang tiga tingkat seluas 700,000 kaki persegi yang dijangka siap pada akhir tahun 2024.

Tiga unit kren dermaga baharu yang dibeli pada April 2022 telah mula beroperasi sejak September 2023, dan pada Februari 2023, PTP menandatangani perjanjian dengan Terberg Malaysia untuk menjalankan percubaan *prime mover* elektrik mereka. Pencapaian lain yang membanggakan adalah pengiktirafan oleh *International Maritime Organisation (IMO)*, yang memilih PTP sebagai satu-satunya pengendali pelabuhan di Malaysia untuk memimpin usaha penyahkarbonan industri maritim melalui inisiatif *Green Tugs and Pilot Boats* di bawah Projek *Green Voyage 2050* yang melibatkan kerjasama antara Malaysia dan Australia. PTP juga telah dipilih sebagai sebahagian daripada projek kerajaan kepada kerajaan (G2G), *Partnerships for Infrastructure (P4I)*, yang turut melibatkan kerjasama antara Malaysia dan Australia.

Melalui pencapaian ini, PTP terus menonjol sebagai pelabuhan terkemuka, walaupun berhadapan dengan cabaran global, sambil menerajui pelbagai inisiatif hijau yang sejajar dengan matlamat kelestarian industri maritim.

### 2.1 Perkembangan Pembangunan Pelabuhan

Dalam tahun 2023, PTP telah memperuntukkan sebahagian besar perbelanjaan modal untuk pembelian jentera baharu, menaik taraf alatan jentera sedia ada seperti *Quay Cranes (QC)* dan *Rubber-Tyred Gantries (RTG)*, serta pembangunan tanah Zon Bebas Tanjung Adang dan infrastruktur pelabuhan. Langkah ini diambil untuk menggantikan aset lama yang tidak lagi berupaya beroperasi dengan efisien kerana telah mencapai akhir hayatnya, serta meningkatkan kecekapan pengendalian dan kapasiti sedia ada bagi membolehkan PTP mengendalikan lebih banyak kontena serentak.

Port Tanjung Pelepas (PTP) successfully navigated the challenging landscape of 2023 within the port and logistics industry, grappling with rising operational costs and a slowdown in the global economy. External factors, including geopolitical risks and tightened monetary policies aimed at curbing inflation, adversely affected global trade, impacting both import and export activities. Malaysia, including PTP, was not immune to these challenges. In 2023, total container handling at PTP reached 10.5 million TEUs, reflecting a slight decrease of 0.3% compared to the previous year. Nonetheless, PTP retained its position as the largest single terminal port in Malaysia.

Throughout 2023, PTP took proactive measures to confront these challenges and achieved several key milestones. Among these were significant improvements in operational productivity, with an 8% increase in Gross Movements Per Hour (GMPH) and a 7% increase in Port Movements Per Hour (PMPH) for mainliner operations compared to 2022. Additionally, the completion of Phase 2C at Tanjung Adang, covering 81 acres, marked another significant achievement by the end of October 2023. This entire area has been leased to two major companies: Maersk Logistics & Services, which plans to construct two warehouse facilities totaling 1.8 million square feet with an investment of RM370 million, and Outspan Malaysia, which aims to invest RM1 billion over five years to expand its dairy manufacturing activities.

PTP also celebrated the establishment of a Regional Distribution Centre by Hyster, a U.S.-based forklift manufacturer, within the PTP Free Zone in July 2023. Furthermore, Rancak Beta successfully completed a single-storey warehouse spanning 255,000 square feet in December 2023, while Tiong Nam is actively constructing a three-storey warehouse covering 700,000 square feet, anticipated to be completed by the end of 2024.


In September 2023, three quay cranes, purchased in April 2022, began operations, enhancing PTP's handling capabilities. Additionally, in February 2023, PTP signed an agreement with Terberg Malaysia to conduct trials of their electric prime mover, reflecting a commitment to innovation and sustainability. Another noteworthy accomplishment was the recognition from the International Maritime Organization (IMO), which designated PTP as the sole port operator in Malaysia to lead efforts in decarbonizing the

maritime industry through the 'Green Tugs and Pilot Boats' initiative, part of the 'Green Voyage 2050' project in collaboration with Australia. PTP has also been selected as part of the government-to-government (G2G) project, 'Partnerships for Infrastructure' (P4I), which similarly fosters cooperation between Malaysia and Australia.

Through these accomplishments, PTP continues to distinguish itself as a leading port, resilient in the face of global challenges, while actively spearheading various green initiatives aligned with the sustainability goals of the maritime industry.

## 2.1 Port Development Progress

In 2023, PTP allocated a substantial portion of its capital expenditure towards the procurement of new machinery, the upgrading of existing equipment including Quay Cranes (QC) and Rubber-Tyred Gantry (RTG) as well as land development within the Tanjung Adang Free Zone and enhancements to port infrastructure. This initiative aimed to replace aging assets that could no longer operate efficiently and to boost existing handling efficiency and capacity, thereby enabling PTP to manage a greater volume of containers simultaneously.



Projek pembelian 3 kren dermaga dari Shanghai Zhenhua (ZPMC) telah berjaya disiapkan sepenuhnya dengan penghantaran kren di PTP pada suku ketiga 2023. Di samping itu, syarikat turut membuat pelaburan strategik dengan pembelian tambahan 25+10 *Electric Rubber-Tired Gantries (E-RTG)* dari Mitsui untuk meningkatkan kapasiti pengendalian kontena serta memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Projek E-RTG ini dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat 2024.

Pembangunan tanah Zon Bebas Tanjung Adang juga telah disiapkan sepenuhnya pada penghujung bulan Oktober 2023, dengan pembayaran sebanyak RM26 juta kepada kontraktor. Projek ini berjaya menarik perhatian beberapa pelabur sebagai lokasi pilihan pelaburan mereka. Pada penghujung tahun 2023, PTP telah memeterai perjanjian pajakan dengan dua pelabur besar, Maersk dan Outspan, yang melibatkan kawasan seluas 81 ekar.

PTP turut meneruskan projek digitalisasi sepanjang tahun 2023, selari dengan aspirasi syarikat untuk menambah baik sistem teknologi informasi. Sistem Data Lake and Analytic dijangka akan dilaksanakan dalam beberapa fasa bermula pada suku keempat 2024.

## 2.2 Perkembangan Pergerakan Kargo (Port Connectivity)

Pada masa ini, empat syarikat perkapalan terbesar dunia, iaitu Maersk Line, Mediterranean Shipping Company (MSC), Evergreen, dan CMA CGM, telah beroperasi di PTP. Syarikat-syarikat ini menyediakan lebih daripada 90 perkhidmatan langsung setiap minggu ke pelabuhan di seluruh dunia. Sehingga penghujung tahun 2023, PTP telah membina rangkaian dengan lebih 300 pelabuhan utama di seluruh dunia, meliputi laluan perkapalan penting seperti Intra-Asia, Eropah/ Mediterranean, *Subcontinent* India, Timur Tengah/ Laut Merah, Afrika, Oceania, dan Amerika Syarikat.

Selain itu, syarikat perkapalan di bawah 'Alliance' seperti 2M dan Ocean Alliance (OA) juga menawarkan perkhidmatan langsung ke pelbagai destinasi dari PTP, meningkatkan lagi ketersambungan dan kepentingannya dalam logistik perkapalan global.

Kekerapan perkhidmatan ke pelabuhan lain secara mingguan dari PTP adalah seperti ditunjukkan di bawah:

| DESTINASI                   | KEKERAPAN (SEMINGGU) |
|-----------------------------|----------------------|
| Intra-Asia                  | >50                  |
| Eropah/ Mediterranean       | 12                   |
| <i>India Sub-Continents</i> | 12                   |
| Timur Tengah/ Laut Merah    | 3                    |
| Afrika                      | 22                   |
| Amerika Syarikat            | 6                    |
| Oceania                     | 8                    |

## 2.3 Perkembangan Dan Aktiviti Di Zon Perindustrian Bebas

Tahun 2023 menyaksikan kemelesetan ekonomi global, penurunan permintaan pasaran, serta krisis geopolitik yang memberi impak negatif terhadap penajaan dan pengendalian kontena di Zon Bebas PTP. Aktiviti di kawasan ini merosot sebanyak 10%, dengan jumlah kendalian kontena menurun kepada 86,741 TEUs, berbanding 96,355 TEUs pada tahun 2022. Walaupun demikian, kadar penggunaan ruang penyimpanan dan pergudangan di Zon Bebas PTP tetap tinggi, dengan mencatatkan 99% penggunaan daripada keseluruhan 6.1 juta kaki persegi ruang gudang yang beroperasi.

Pada bulan Julai 2023, Hyster, syarikat pembuatan forklift dari Amerika Syarikat, telah menubuhkan Pusat Pengedaran Serantau (RDC) di Zon Bebas PTP, yang diuruskan oleh Geodis, sebuah syarikat logistik dari Perancis yang telah beroperasi di PTP sejak tahun 2006.

Bagi memenuhi permintaan ruang pergudangan yang semakin meningkat, Rancak Beta, sebuah syarikat pemaju tempatan, berjaya menyiapkan gudang satu tingkat berkeluasan 255,000 kaki persegi pada Disember 2023. Pada masa yang sama, Tiong Nam sedang giat membina sebuah gudang tiga tingkat seluas 700,000 kaki persegi yang dijangka siap pada penghujung tahun 2024.

Projek pembangunan Fasa 2C di Tanjung Adang, yang meliputi kawasan seluas 81 ekar, telah disiapkan pada akhir Oktober 2023. Kesemua 81 ekar ini dipajakan kepada dua syarikat gergasi, iaitu Maersk Logistics & Services (47 ekar) dan Outspan Malaysia, anak syarikat Olam International (33 ekar), pada Disember 2023. Maersk akan membina dua unit fasiliti gudang seluas 1.8 juta kaki persegi dengan pelaburan sebanyak RM370 juta, manakala Outspan akan melabur RM1 bilion dalam tempoh lima tahun untuk mengembangkan aktiviti pengilangan bahan tenusu serta menambah kilang pemprosesan koko dan pembuatan coklat. Selain itu, Outspan Malaysia akan membina fasiliti biomass pertama untuk membekalkan tenaga hijau kepada kilang tenusu dan koko baru mereka.

The successful project to acquire three quay cranes from Shanghai Zhenhua (ZPMC) culminated in the delivery of these cranes to PTP in the third quarter of 2023. Additionally, the company made a strategic investment in acquiring 25 + 10 Electric Rubber-Tyred Gantries (E-RTGs) from Mitsui, designed to further enhance container handling capacity and provide exceptional service to customers. The E-RTG project is expected to complete by the fourth quarter of 2024.

The land development in Tanjung Adang Free Zone was finalized by the end of October 2023, with a payment of RM26 million made to the contractor. This project has successfully attracted multiple investors, positioning the area as a premier investment destination. By the end of 2023, PTP signed lease agreements with two major investors, Maersk and Outspan, covering a total of 81 acres.

In alignment with its aspirations to enhance information technology systems, PTP continued its digitalization projects throughout 2023. The Data Lake and Analytics System is set to be implemented in several phases, with the first phase commencing in the fourth quarter of 2024.

## 2.2 Cargo Movement Progress (Port Connectivity)

Currently, the world's four largest shipping companies—Maersk Line, Mediterranean Shipping Company (MSC), Evergreen, and CMA CGM are operating at PTP. These companies provide over 90 direct services weekly to ports around the globe. As of the end of 2023, PTP has established connections with more than 300 major ports worldwide, covering critical shipping routes including Intra-Asia, Europe/Mediterranean, the Indian Subcontinent, the Middle East/Red Sea, Africa, Oceania, and the United States.

Additionally, shipping companies operating under alliances such as 2M and the Ocean Alliance (OA) also offer direct services to various destinations from PTP, further enhancing its connectivity and significance in global shipping logistics.

The weekly frequency of services to other ports, based on destinations from PTP, is as shown below:

| DESTINATION           | FREQUENCY (WEEKLY) |
|-----------------------|--------------------|
| Intra-Asia            | >50                |
| Europe/ Mediterranean | 12                 |
| India Sub-Continents  | 12                 |
| Middle East/ Red Sea  | 3                  |
| Africa                | 22                 |
| United States         | 6                  |
| Oceania               | 8                  |

## 2.3 Developments and Activities in the Free Industrial Zone

The global economic downturn, declining market demand, and geopolitical crises in 2023 have had a detrimental impact on container generation and handling within the Free Zone of PTP. Overall activity in the zone experienced a 10% decrease, with total container handling dropping to 86,741 TEUs, down from 96,355 TEUs in 2022. Despite these challenges, the utilization rate of storage and warehousing space in the PTP Free Zone remained remarkably high, with 99% of the operational 6.1 million square feet of warehouse space fully occupied.



In July 2023, Hyster, a leading U.S. forklift manufacturing company, established a Regional Distribution Centre (RDC) within the PTP Free Zone. This facility is managed by Geodis, a French logistics company that has been operational at PTP since 2006.

In response to the escalating demand for warehouse space, Rancak Beta, a local developer, has successfully completed a single-story warehouse with an area of 255,000 square feet as of December 2023. Concurrently, Tiong Nam is actively engaged in the construction of a three-story warehouse spanning 700,000 square feet, which is anticipated to be completed by the end of 2024.

The Phase 2C development project at Tanjung Adang, encompassing a substantial 81 acres, reached completion by the close of October 2023. This entire area has been leased to two prominent companies as of December 2023: Maersk Logistics & Services (47 acres) and Outspan Malaysia, a subsidiary of Olam International (33 acres). Maersk intends to construct two warehouse facilities totaling 1.8 million square feet, with a significant investment of RM370 million. Meanwhile, Outspan plans to invest RM1 billion over the next five years to enhance its dairy product manufacturing capabilities and establish additional facilities for cocoa processing and chocolate production. Furthermore, Outspan Malaysia will pioneer the first biomass facility designed to supply green energy to their new dairy and cocoa processing plants.




# MAKLUMAT STATISTIK

## Pelabuhan Pasir Gudang Statistics Information




**Jumlah Pengendalian Kargo**  
Total Cargo Handling  
(FWT)




**Jumlah Pengendalian Kargo (FWT) & Kontena (TEU)**  
Total Cargo (FWT) & Container (TEUs) Handling




**Singgahan Kapal**  
Vessel Calls



### Jumlah Pengendalian Kargo (FWT) & Kontena (TEU) Total Cargo (FWT) & Container (TEUs) Handling





### Singgahan Kapal Vessel Calls



FWT: Freight Weight Tonnes  
TEU: Twenty-foot Equivalent Unit


## Pengendalian Kontena Mengikut Kategori (TEU) Container Handling by Categories (TEUs)



## MAKLUMAT STATISTIK

## Jeti Persendirian | Private Jetty

### Statistics Information



# Laporan Program

## Programme Report



# 05

Throughout 2023, Johor Port Authority (LPJ) has planted 2,000 mangrove trees in Taman Negara Tanjung Piai, Pontian, Johor, through the corporate social responsibility (CSR) initiative, LPJ CARES. This initiative reflects the LPJ's commitment towards 'decarbonization', ensuring the sustainability of the surrounding environment. It also aligns with the 17 Sustainable Development Goals (SDG) set by the United Nations, particularly focusing on reduction of carbon emission.



Sepanjang tahun 2023, Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah menanam 2,000 pokok bakau di Taman Negara Tanjung Piai, Pontian, Johor, melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR), LPJ CARES. Usaha ini mencerminkan komitmen LPJ ke arah nyahkarbon dan memastikan kelestarian alam. Selain itu, inisiatif ini sejajar dengan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) United Nation, dengan memberi tumpuan khusus kepada pengurangan pelepasan karbon.



# PORT CENTRE OF EXCELLENCE

The Port Centre of Excellence (PCOE) was established to ensure sustainable and continuous human capital development. PCOE is implemented to meet the growing demand for manpower every year, in line with the development of the port and maritime industry.

A memorandum of understanding (MoU) has been signed since 2014 to establish cooperation with 13 local agencies and universities, namely:

1. Johor Port Authority (LPJ)
2. Johor Port Berhad (JPB)
3. Port of Tanjung Pelepas (PTP)
4. Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
5. Johor Petroleum Development Corporation (JPDC)
6. ATT Tanjung Bin Sdn Bhd
7. DIALOG Group Berhad
8. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
9. Netherlands Maritime University College (NMUC)
10. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
11. Maritime Institute of Malaysia (MIMA)
12. Meritus University
13. Universiti Teknologi MARA (UiTM) MITRANS

Port Centre of Excellence (PCOE) ditubuhkan bagi memastikan pembangunan modal insan yang mampan dan berterusan. PCOE dilaksanakan bagi memenuhi permintaan tenaga kerja yang semakin meningkat setiap tahun, selari dengan arus perkembangan industri pelabuhan dan maritim.

Perjanjian persefahaman telah ditandatangani sejak tahun 2014 bagi mewujudkan kerjasama dengan 13 agensi dan universiti tempatan, iaitu:

1. Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)
2. Johor Port Berhad (JPB)
3. Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP)
4. Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
5. Johor Petroleum Development Corporation (JPDC)
6. ATT Tanjung Bin Sdn Bhd
7. DIALOG Group Berhad
8. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
9. Netherlands Maritime University College (NMUC)
10. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
11. Maritime Institute of Malaysia (MIMA)
12. Meritus University
13. Universiti Teknologi MARA (UiTM) MITRANS



**Penerbitan Majalah Southern Point Edisi 6:** 'ESG a Sustainable Path to a Better Future' pada September 2023. Majalah ini diedar kepada umum secara fizikal dan digital di laman web rasmi LPJ.

*Publication of Southern Point Magazine, 6th Edition: 'ESG a Sustainable Path to a Better Future' on September 2023. This printed and digital magazine distributed to the public.*

**KURSUS HALAL EKSEKUTIF:** 3-6 Mac & 10-13 April 2023 - Dua pegawai LPJ telah mendapat pensijilan sebagai Halal Eksekutif dari Halal Profesional Board (HPB), JAKIM, iaitu Puan Nurulhuda binti Tahwan dan Puan Juliana binti Ahmad anjuran PIJ Halal Ventures Sdn Bhd. Kursus ini adalah kesinambungan daripada Kursus Pengurusan Halal dan Auditan Halal pada tahun 2022 bagi memenuhi keperluan operasi kontena di pelabuhan.



**KURSUS MARITIME SAFETY & SECURITY:** 13-14 Mac 2023, Hotel Renaissance Permas Jaya, Johor Bahru - Kursus kepada ahli-ahli ASEAN Ports Association Malaysia (MAPA) dalam memberi pengetahuan bagi memastikan standard keselamatan tertinggi pekerja maritim. Ia juga bagi mengenal pasti kaedah mengurangkan kemungkinan ancaman dan memahami faktor penyumbang insiden maritim.



**KARNIVAL OUTREACH INKLUSIF DAN KEBOLEHPASARAN MADANI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS NEGERI JOHOR (KOIKJ):** 20-21 Ogos 2023, AEON Bandar Dato' Onn, Johor Bahru - LPJ mempromosikan fungsi dan peranannya di karnival anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Karnival ini bertujuan membantu kebolehpasaran dan kebolehkeraan murid berkeperluan khas.



## PORT CENTRE OF EXCELLENCE

**Halal Executive Course:** 3-6 March & 10-13 April 2023 - Two LPJ officers, Ms. Nurulhuda binti Tahwan and Ms. Juliana binti Ahmad, obtained certification as Halal Executives from the Halal Professional Board (HPB), JAKIM organized by PIJ Halal Ventures Sdn Bhd. This course was a continuation of the Halal Management and Halal Auditing Course in 2022 to meet the operational needs of container handling at the port.

**Maritime Safety & Security Course:** 13-14 March 2023, Renaissance Hotel Permas Jaya, Johor Bahru - This course was conducted for members of the ASEAN Ports Association Malaysia, providing knowledge to ensure the highest safety standards for maritime workers. It also aimed to identify methods to reduce potential threats and understand the contributing factors to maritime incidents.

**Johor's Madani Inclusive Outreach and Employability Carnival For Special Needs Students (KOIKJ):** 20 & 21 August 2023, AEON Bandar Dato' Onn, Johor Bahru - LPJ promotes its roles and functions at this carnival, organized by the Johor State Education Department. The carnival aimed to enhance the employability and job market readiness of special needs students.

## PROGRAM SAFE & SECURE STEEL STOWAGE

- » 25 Januari 2023 - Bengkel *Safe & Secure Steel Stowage* & 7 Februari 2023 - Latihan dan bengkel *Steel Stowage Compliance by Jurong Port*. (Peserta: LPJ, JPB, TLP & Jurong Port).
- » 15 Mac 2023 - Perbincangan dan pembentangan *Safe and Secure Steel Stowage Guideline*. (Peserta: LPJ, JPB, TLP, SS Forwarding, EEW, Bahru Stainless, Xin Hwa, Naidu Trans, Perstima, Kiswire & Evergreen).
- » 17 & 26 Julai 2023 - Perbincangan dan pembentangan *Safe and Secure Steel Stowage Guideline*. (Peserta: LPJ, TLP & JPB).
- » 25 September 2023 - Taklimat *Guideline For Stowage & Securing Of Steel Cargoes* kepada Shipping & Forwarding Agent. (Peserta: LPJ, EEW Sdn Bhd, Hua Hang Shipping, Meridian Port Agencies, Gewira Shipping Agency Sdn Bhd, Taruna Shipping & Forwarding Agency Sdn Bhd, Osjay Shipping & Forwarding Agency Sdn Bhd, Millenium Aims Sdn Bhd, Harbour Services (JB) Sdn Bhd, JPSFA, JPB & TLP).



**eDSL WORKSHOP:** 12-13 Jun 2023, Hotel D'Elegance Grand, Bandar Seri Alam, Pasir Gudang - Program Latihan bagi penggunaan *Electronic Domestic Shipping License (eDSL)* yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan untuk komuniti perkapalan di Malaysia. LPJ memanfaatkan eDSL sebagai dokumen syarat kapal dagang serta kapal bunkering dan kapal pembekalan air.

### Career Talk:

6 December 2023, Masai, LPJ organized the "Career Talk" programme, held at UniKL MITEC, Bandar Seri Alam.

### Safe & Secure Steel Stowage Programme Implementation:

25 January 2023 - Safe & Secure Steel Stowage Workshop  
7 February 2023 - Training & Workshop for Steel Stowage Compliance by Jurong Port

15 March 2023 - Discussion and presentation on Safe and Secure Steel Stowage Guidelines

17 & 26 July 2023 - Discussion and presentation on Safe and Secure Steel Stowage Guidelines

25 September 2023 - Briefing on the Guideline for Stowage & Securing of Steel Cargoes to Shipping & Forwarding Agents

**eDSL Workshop:** 12-13 June 2023, Hotel D'Elegance Grand, Bandar Seri Alam, Pasir Gudang - A training programme for the use of the Electronic Domestic Shipping License (eDSL) issued by the Ministry of Transport for the shipping community in Malaysia. LPJ utilizes eDSL as a requirement document for merchant vessels, bunkering ships and freshwater supply vessels.

**BICARA KERJAYA:** 6 Disember 2023, Masai – LPJ telah menganjurkan program "Bicara Kerjaya" yang diadakan di UniKL MITEC, Bandar Seri Alam.



**PEMBANGUNAN DRAF OIC/SMIIC 17-4 HALAL SUPPLY CHAIN MANAGEMENT SYSTEM PART 4: TERMINALS-GENERAL REQUIREMENTS:** 21-23 Julai 2023, Hotel Holiday Inn City Centre, Johor Bahru - Malaysia melalui Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah menganggotai the *Standards Metrology Institute for Islamic Countries (SMIIC)*. Johor mencadangkan projek baharu, iaitu *Halal Supply Chain Management Systems-Part 4: General Requirements*. SMIIC TC 10 ditugaskan membangunkan dokumen draf standard ini dan turut disertai LPJ sebagai ahli.

Development of the Draft OIC/SMIIC 17-4 Halal Supply Chain Management System Part 4: **Terminals - General Requirements:** 21-23 July 2023, Holiday Inn City Centre, Johor Bahru - Malaysia, through the Department of Standards Malaysia (JSM), is a member of the Standards and Metrology Institute for Islamic Countries (SMIIC). Johor proposed a new project, namely the Halal Supply Chain Management Systems - Part 4: General Requirements. SMIIC Technical Committee 10 (TC 10) was tasked with developing the draft standard document, with the LPJ participating as a member.

**Seminar On Career Development Through The Malaysian Skills Certification System (SPKM) And Certification Ceremony For Malaysian Skills Certificate (SKM) Level 3: Port Security Supervision:** 6 March 2023, Pasir Gudang - Captain Mohamad Halim Bin Ahmed presented the Malaysian Skills Certificate (SKM) Level 3 for the National Occupational Skills Standard (NOSS): DS-012-3:2015 (Seaport Security Surveillance) to 48 members of the Auxiliary Police from the Johor Port Authority and Tanjung Langsat Port Terminal at LPJ.

**SEMINAR PEMBANGUNAN KERJAYA MELALUI SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM) DAN MAJLIS PERASMIAN PENYAMPAIAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 3: PENGAWASAN KESELAMATAN PELABUHAN:** 6 Mac 2023, Pasir Gudang - YBrs. Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed telah menyampaikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 bagi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS): DS-012-3:2015 (Seaport Security Surveillance) kepada 48 orang anggota Polis Bantuan dari Lembaga Pelabuhan Johor dan Terminal Pelabuhan Tanjung Langsat di LPJ.



# Program LPJ CARES

Teras LPJ CARES  
The Pillars of LPJ CARES



## LAPORAN PROGRAM CSR LPJ CARES LPJ CARES CSR PROGRAMMES REPORT

Program yang dilaksanakan mengikut teras:  
Implemented programmes according to the pillars:

| PERKARA<br>ITEMS                                   | TERAS<br>PILLARS                 |               |                                    |                |                            | JUMLAH<br>TOTAL |
|----------------------------------------------------|----------------------------------|---------------|------------------------------------|----------------|----------------------------|-----------------|
|                                                    | C<br>Corporate<br>Responsibility | A<br>Adoption | R<br>Restoration of<br>Environment | E<br>Education | S<br>Social<br>Development |                 |
| BIL. PROGRAM<br>NO. OF<br>PROGRAMME                | 9                                | 25            | 5                                  | 9              | 15                         | 63              |
| BIL PENERIMA<br>MANFAAT<br>NO. OF<br>BENEFICIARIES | 111,815                          | 28,805        | 2,300                              | 5,413          | 14,617                     | 162,950         |



## Program Santunan Aidilfitri

8 April 2023, Pasir Gudang - Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah menganjurkan program sumbangan Aidilfitri yang melibatkan 140 penerima dengan kos program sebanyak RM56,000.00. Semua penerima dibawa ke Butik Hasnuri dan pusat membeli-belah AEON Permas Jaya untuk membeli keperluan Hari Raya, dengan bantuan 25 sukarelawan LPJ.

Mereka juga diraikan dalam majlis iftar yang diadakan di Hotel Renaissance, Johor Bahru. Dalam majlis ini, setiap penerima menerima duit raya sebanyak RM100 yang disampaikan oleh Pengurus Besar LPJ, YBhg. Dato' Monaliza Suhaimi.

### *Santunan Aidilfitri*

8 April 2023, Pasir Gudang - LPJ organised a contribution programme for Aidilfitri, benefitting 140 recipients at a total cost of RM56,000.00.

The recipients were taken to Butik Hasnuri and the AEON Permas Jaya shopping centre to procure Hari Raya essentials, with the assistance of 25 LPJ volunteers.

Furthermore, they were honoured at an iftar ceremony held at the Renaissance Hotel Johor Bahru. Each recipient received RM100 money packet presented by LPJ's General Manager, YBhg. Dato' Monaliza Suhaimi.



## Flood Relief Programme

The Johor Port Authority (LPJ), through its LPJ CARES initiative, implemented several corporate social responsibility (CSR) programmes to assist flood victims in several districts of Johor from March 5 to 10, 2023. A total of RM92441.81 in aid was distributed to Kota Tinggi, Kluang, Batu Pahat, and Segamat, benefitting over 11,000 affected residents who were relocated to Temporary Evacuation Centres (PPS).

The primary objective of the programme was to provide emergency assistance in the form of essential supplies such as blankets, towels, disposable diapers, soap, and toothpaste. In Segamat, the aid also included financial contributions to flood victims. The LPJ CARES team worked closely with PPS management and the District Office to ensure that all forms of aid reached those in need.

The programme was also attended by YBrs. Tuan Haji Rosnan bin Fathlul, Chairman of the LPJ Board of Directors, along with LPJ's senior management at several locations, including Segamat, where they visited areas still affected by the floods.

The overall aid programme was successfully executed and is hoped to alleviate the burden of flood victims and provide comfort during their stay at the PPS. LPJ remains committed to continuing impactful CSR initiatives, particularly in responding to natural disasters.

## Program Bantuan Banjir

Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), melalui inisiatif LPJ CARES, telah melaksanakan beberapa program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu mangsa banjir di beberapa daerah di Johor dari 5 hingga 10 Mac 2023. Bantuan berjumlah RM92,441.81 telah disalurkan ke daerah Kota Tinggi, Kluang, Batu Pahat, dan Segamat, melibatkan lebih 11,000 penduduk terjejas yang dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Objektif utama program ini adalah untuk menyediakan bantuan kecemasan berupa barangan keperluan asas seperti selimut, tuala, lampin pakai buang, sabun, dan ubat gigi. Di Segamat, bantuan turut melibatkan sumbangan kewangan kepada mangsa banjir. Pasukan LPJ CARES bekerjasama rapat dengan pihak pengurusan PPS dan Pejabat Daerah bagi memastikan semua bentuk bantuan sampai kepada mereka yang memerlukan.

Program ini turut disertai oleh YBrs. Tuan Haji Rosnan bin Fathlul, Pengerusi Lembaga Pengarah LPJ, bersama barisan pengurusan atasan LPJ di beberapa lokasi, termasuk Segamat, di mana mereka turut meninjau kawasan yang masih terjejas akibat banjir.

Keseluruhan program bantuan ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan diharapkan dapat meringankan beban mangsa banjir serta memberi keselesaan sepanjang tempoh mereka berada di PPS. LPJ kekal komited untuk terus melaksanakan inisiatif-inisiatif CSR yang memberi impak positif kepada masyarakat, khususnya dalam situasi bencana alam.





# Wakalah Zakat 2023

وَكَالَتْ زَكَاةً

Zakat 2023  
RM4.7 juta

28 November 2023, Johor Bahru - Johor Port Authority (LPJ) formally presented a replica cheque for LPJ Zakat, amounting RM4,724,106.60, to the Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). This significant occasion was attended by YAB Dato' Onn Hafiz Bin Ghazi, The Chief Minister of Johor, who served as a witness to the event.

30 July 2023, Tangkak - LPJ, in collaboration with the Tangkak District Office and MAINJ, successfully completed the distribution of zakat to 50 beneficiaries (asnaf) in the form of cash, with an estimated total expenditure of RM20,000.

30 July 2023, Muar - LPJ distributed zakat to beneficiaries (asnaf) from 13 mukim within the district. A total of RM78,400 in cash has been distributed to 196 eligible recipients, as confirmed by the District Office.

30 Julai 2023, Tangkak - LPJ, dengan kerjasama Pejabat Daerah Tangkak dan MAINJ, telah berjaya mengagihkan zakat kepada 50 penerima (asnaf) dalam bentuk wang tunai, dengan anggaran jumlah perbelanjaan sebanyak RM20,000.

30 Julai 2023, Muar - LPJ telah mengagihkan zakat kepada penerima (asnaf) dari 13 mukim dalam daerah tersebut. Sebanyak RM78,400 dalam bentuk wang tunai telah diagihkan kepada 196 penerima yang layak, seperti yang disahkan oleh Pejabat Daerah.

Pada tahun 2023, LPJ telah mengagihkan sumbangan zakat di 10 daerah di negeri Johor. Sejak tahun 2022, LPJ telah memohon Wakalah Zakat daripada MAINJ untuk memudahkan pengagihan langsung sebanyak 3/8 daripada dana zakat kepada golongan fakir, miskin, dan Fisabilillah.

In 2023, LPJ successfully distributed zakat contributions across 10 districts in Johor. Since 2022, LPJ has applied *Wakalah Zakat* from the MAINJ to facilitate the direct allocation of 3/8 of the zakat funds to the underprivileged people and Fisabilillah.

28 November 2023, Johor Bahru - Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) menyampaikan cek replika bagi Zakat LPJ, berjumlah RM4,724,106.60, kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) disaksikan oleh YAB Menteri Besar Johor.



# Kotak Rahmah

Kotak Rahmah adalah sumbangan barangan keperluan harian yang diagihkan kepada penerima yang berkelayakan.

'Rahmah Box' is a contribution of daily necessities distributed to eligible recipients.

16 April 2023, Johor Bahru - Bersempena sambutan Aidilfitri, atas keprihatinan LPJ, sebanyak 100 keluarga daripada golongan asnaf telah menerima sumbangan Kotak Rahmah di Pasir Gudang dan Permas Jaya.



**Kotak Rahmah**

16 April 2023, Johor Bahru - In conjunction of Eidul-Fitr celebration, the LPJ expressed significant concern for the asnaf group. A total of 100 families received the *Kotak Rahmah* donation in Pasir Gudang and Permas Jaya.



## Eidul-adha Contribution: Korban Cattle

27-28 June 2023, Johor Bahru - LPJ distributed Korban cattles to 12 mosques in Johor. In collaboration with Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) and Perbadanan Islam Johor (PIJ), LPJ allocated a total of 15 cattles to Masjid Kampung Cahaya Baru in Pasir Gudang, Masjid Jamek Kampung Tenglu Laut, Masjid Kampung Seri Lalang, and Masjid Taman Seri Mersing.



## Sumbangan Aidiladha: Lembu Korban

27-28 Jun 2023, Johor Bahru - LPJ telah mengagihkan sumbangan lembu Korban kepada 12 masjid di Johor. Dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Perbadanan Islam Johor (PIJ), LPJ memperuntukkan sejumlah 15 ekor lembu kepada Masjid Kampung Cahaya Baru di Pasir Gudang, Masjid Jamek Kampung Tenglu Laut, Masjid Kampung Seri Lalang, dan Masjid Taman Seri Mersing.



# Program Khatan Perdana: Lebih 600 anak-anak Asnaf mendapat manfaat

Sepanjang tahun 2023, seramai 618 orang anak-anak Asnaf mendapat manfaat daripada Program Khatan Perdana anjuran LPJ. Program ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM47,000. Program yang dianjurkan melibatkan anak-anak dari kawasan Taman Cendana, Taman Desa Rakyat Perdana dan juga sekitar Pasir Gudang serta Johor Bahru.



وَكَالَتْ رِزْقًا

**Khatan Perdana  
Programme:  
Benefitted 600  
Asnaf Children**



Throughout 2023, a total of 618 underprivileged children (Asnaf) benefitted from the Khatan Perdana Programme organized by LPJ. This programme incurred expenses amounting to RM47,000. The initiative involved children from Taman Cendana, Taman Desa Rakyat Perdana, as well as the surrounding areas of Pasir Gudang and Johor Bahru.

# Diari Korporat 2023

## Corporate Diary



GERBANG SELATAN MALAYSIA  
MEMPERKASAKAN KOMUNITI

Tarikh : 15-17 Disember 2023  
Masa : 8.00 pagi to 10.30 malam  
Tempat : Tapak Karnival,  
bersebelahan bangunan LPJ, Pasir Gudang

### PELBAGAI AKTIVITI MENARIK

- » Pameran Agensi
- » Pameran Kerjaya
- » Pertunjukan Fesyen Kitar Semula
- » *Treasure Hunt*
- » *Night Fun Run*
- » Pertandingan Mewarna
- » Pameran Bonsai
- » Lawatan pelabuhan melalui darat dan air
- » Jualan Rahmah
- » Forum Bicara Ad-Din

### LPJ Carnival 2023

Date : 15-17 December 2023  
Time : 8.00 am to 10.30 pm  
Venue : Carnival event site,  
next to LPJ Building, Pasir Gudang

### VARIOUS OF INTERESTING ACTIVITIES

- » Agency Exhibitions
- » Career Fair
- » Recycled Fashion Show
- » Treasure Hunt
- » Night Fun Run
- » Colouring Contest
- » Bonsai Exhibition
- » Port Tour & Boat Tour
- » *Jualan Rahmah*
- » *Bicara Ad-Din Forum*





## Mesyuarat & Taklimat



26 Jun 2023, Pasir Gudang – *Association of Malaysian Hauliers (AMH)* meneruskan *roadshow* di Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) bagi memperkenalkan sistem *Haulier Collection Services (HCS)*, yang menyediakan pilihan untuk kutipan *Depot Gate Charges (DGC)*.

27 Jun 2023, Pasir Gudang – Susulan daripada penglibatan awal dengan LPJ pada 26 Jun 2023, AMH meneruskan *roadshow* untuk memperkenalkan sistem *Haulier Collection Services (HCS)* kepada semua depoh di Johor.

4 Julai 2023 – Mesyuarat kedua *ASEAN Ports Association (APA)* Malaysia bagi tahun 2023 dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Monaliza Binti Suhaimi, Pengurus Besar LPJ.

24 November 2023, Pasir Gudang – Pengurus Besar LPJ memimpin pihak pengurusan tertinggi dalam satu sesi melibatkan semakan terhadap Skim Perkhidmatan LPJ (SPL) versi 2.0. Ini adalah kali pertama dasar tersebut dikaji sejak diperkenalkan pada tahun 2018.



## Meetings & Briefings

26 June 2023, Pasir Gudang – *Association of Malaysian Hauliers (AMH)* continued its roadshow at Johor Port Authority (LPJ) to introduce the *Haulier Collection Services (HCS)* system, which offers an option for the collection of *Depot Gate Charges (DGC)*.

27 June 2023, Pasir Gudang – Following the earlier engagement with LPJ on 26 June 2023, the AMH continued its roadshow to present the HCS system to all depots in Johor.

4 July 2023 – Second meeting of the *ASEAN Ports Association (APA)* Malaysia for 2023 was chaired by YBhg. Dato' Monaliza Binti Suhaimi, the LPJ's General Manager.

24 November 2023, Pasir Gudang – LPJ's General Manager led the senior management in a session focused on reviewing *Skim Perkhidmatan LPJ (SPL)* version 2.0. This marks the first thorough reviewing of the policy since its introduction in 2018.



# Pameran & Ekspo

23-27 Mei 2023, Langkawi – Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), dengan kerjasama dua operator pelabuhan, Johor Port Berhad dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, telah menyertai pameran yang dianjurkan di bawah naungan Kementerian Pengangkutan di LIMA '23.

13 September 2023, La Reunion – Kementerian Pengangkutan, bersama LPJ, Lembaga Pelabuhan Kuantan, dan Lembaga Pelabuhan Kemaman, bergabung di bawah nama Pelabuhan Malaysia untuk mendapatkan sokongan daripada negara-negara di Afrika Timur dan Selatan bersempena dengan pencalonan Malaysia sebagai anggota dalam Kategori C Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) bagi penggal 2024-2025.

30 November - 12 Disember 2023, Dubai – Pemimpin kelestarian daripada Kerajaan Malaysia, termasuk wakil daripada LPJ, badan bukan kerajaan, sektor awam, dan swasta, berkumpul di Expo City Dubai untuk program-program berkaitan isu kelestarian global.



## Exhibition & Expo

23-27 May 2023, Langkawi – Johor Port Authority (LPJ), in collaboration with the two port operators, Johor Port Berhad and Port of Tanjung Pelepas, participated in the exhibition organized under the auspices of the Ministry of Transport at LIMA '23.

13 September 2023, La Reunion – Ministry of Transport, along with LPJ, Kuantan Port Authority, and Kemaman Port Authority, united under the banner of Malaysian Ports to garner support from East and South African countries in conjunction with Malaysia's candidacy for membership in Category C of the International Maritime Organization (IMO) Council for the term 2024-2025.

30 November - 12 December 2023, Dubai – Sustainable leaders from the Malaysian Government, including representatives from LPJ, public and private sector, and Non-Government Organization (NGO) convened at Expo City Dubai for programmes addressing global sustainable issues.

## Bengkel & Persidangan

1-2 Mac 2023, Bangkok – Bengkel mengenai ‘Pembangunan Garis Panduan Projek Pelabuhan Pintar’ telah diadakan di *Port Authority of Thailand (PAT)*. Delegasi Malaysia terdiri daripada Encik Foong Han Yang daripada Unit Pelabuhan, Kementerian Pengangkutan, serta wakil-wakil daripada Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) iaitu Encik Mohd Zahari bin Mohd Rusjuna, Pengurus Strategik & Analitik.

13 September 2023, La Reunion – YBhg. Dato’ Monaliza Binti Suhaimi, Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), telah menjadi salah seorang panelis dalam sesi Forum CEO pada hari pertama persidangan *Reunion Maritime Week Programme 2023*.

## Workshops & Conferences

1-2 March 2023, Bangkok – The workshop on “The Development of Guidelines for Smart Port Projects” was held at the Port Authority of Thailand (PAT). The Malaysian delegation included Mr. Foong Han Yang from the Port Unit, Ministry of Transport, along with representative from Johor Port Authority (LPJ), Mr. Mohd Zahari bin Mohd Rusjuna, the Strategic & Analytics Manager.

13 September 2023, La Reunion – YBhg. Dato’ Monaliza Binti Suhaimi, General Manager of Johor Port Authority (LPJ), participated as one of the panelists in the CEO Forum session on the first day of the Reunion Maritime Week Programme conference 2023.





13 September 2023, Johor Bahru – The Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), in collaboration with the Ministry of Transport (MOT), organised a National Green Logistics Programme. Mr. Mohd Zahari bin Mohd Rusjuna, the Strategic and Analytic Manager of LPJ, was invited as a guest speaker to discuss green logistics initiatives and practices.

10 October 2023, Pasir Gudang – LPJ conducted Energy Management Awareness Training and Preparation for 3-Star EMGS Certification. The invited guest speaker was Ts. Hajjah Masilah Bt. Haji Bandi from FIKR Consultancy Sdn Bhd. Energy management refers to the efficient and effective use of energy to minimise operating costs and reduce energy demand.

13 September 2023, Johor Bahru – *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)* dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menganjurkan Program Logistik Hijau Nasional. Encik Mohd Zahari bin Mohd Rusjuna, Pengurus Strategik dan Analitik LPJ telah dijemput sebagai penceramah jemputan untuk berkongsi mengenai inisiatif dan amalan logistik hijau.

10 Oktober 2023, Pasir Gudang – LPJ telah menganjurkan Latihan Kesedaran Pengurusan Tenaga & Persediaan untuk Pensijilan EMGS 3-Bintang. Penceramah jemputan adalah Ts. Hajjah Masilah Binti Haji Bandi dari FIKR Consultancy Sdn Bhd. Pengurusan tenaga merujuk kepada penggunaan tenaga yang efisien dan berkesan untuk meminimumkan kos operasi dan seterusnya mengurangkan penggunaan tenaga berlebihan.



31 Oktober - 2 November 2023, Abu Dhabi – *International Association of Ports & Harbors (IAPH)* telah menganjurkan *IAPH World Ports Conference 2023*, satu acara tahunan yang bertujuan untuk mengumpulkan pihak berkepentingan pelabuhan dan maritim bagi tujuan pembelajaran, perkongsian amalan terbaik, dan pertukaran pandangan dengan pakar-pakar terkemuka industri dari seluruh dunia.

14 Disember 2023 – LPJ telah melaksanakan Latihan Pengawasan Ancaman Keganasan Kod ISPS 2023, yang juga dikenali sebagai Latihan Cape-X 11 bagi tahun 2023. Latihan ini dijalankan bagi memenuhi keperluan tahunan Kod ISPS berkenaan dengan Penyataan Pematuhan (SoC) di bawah Seksyen 249K Akta A1316, Akta Perkapalan Saudagar 2007 (Pindaan dan Perluasan).



31 October - 2 November 2023, Abu Dhabi – The International Association of Ports & Harbors (IAPH) organized the IAPH World Ports Conference 2023, an annual event aimed at bringing together port and maritime stakeholders to learn, share best practices, and exchange insights with leading experts from the industry worldwide.

14 December 2023 – LPJ conducted the ISPS Code Terrorism Threat Control Exercise 2023, also known as the Cape-X 11 Exercise of 2023. This exercise was carried out to fulfill the annual requirements of the ISPS Code concerning the Statement of Compliance (SoC) certification under Section 249K Act A1316 of the Merchant Shipping Act 2007 (Amendment and Extension).



## Sports & Recreations

5 August 2023, Putrajaya – The Opening Ceremony and Inter-Agency Sports Parade of the Ministry of Transport (MOT GAMES 2023) took place at the Sports Complex of the *Institut Penilaian Negara (INSPEN)*.

6 August 2023, Putrajaya – A Dinner Banquet and Prize Presentation Ceremony for the Inter-Agency Sports Championship of the Ministry of Transport (MOT GAMES 2023) were held.

26 August 2023, Kuala Lumpur – Johor Port Authority (LPJ) participated in the Bowling Championship in conjunction with the 60th Anniversary Celebration of the Port Klang Authority (LPK).

## Sukan & Rekreasi

5 Ogos 2023, Putrajaya – Majlis Perasmian dan Perarakan Sukan Antara Agensi Kementerian Pengangkutan (MOT GAMES 2023) di Kompleks Sukan Institut Penilaian Negara (INSPEN).

6 Ogos 2023, Putrajaya – Majlis Makan Malam dan Penyampaian Hadiah bagi Kejohanan Sukan Antara Agensi Kementerian Pengangkutan (MOT GAMES 2023).

26 Ogos 2023, Kuala Lumpur – Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah menyertai Kejohanan Boling bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun ke-60 Lembaga Pelabuhan Klang (LPK).



3 September 2023, Pasir Gudang – LPJ telah menyertai karnival sukan yang dianjurkan oleh Persatuan Badan Berkanun Malaysia di UiTM Arau, Perlis.

6 September 2023, Arau – Majlis Perasmian Karnival Sukan Badan Berkanun Malaysia 2023 (SUKANUN 2023) diadakan di Stadium Tuanku Syed Faizuddin Putra, Cawangan UiTM Perlis.

26 November 2023, Klang – Lembaga Pelabuhan Klang telah menganjurkan *Treasure Hunt* Ulang Tahun ke-60 2023 di Pelabuhan Klang. Lembaga Pelabuhan Johor telah menghantar dua pasukan untuk menyertai kejohanan ini dalam Kategori OGA.



3 September 2023, Pasir Gudang – LPJ participated in the Sports Carnival organised by the *Persatuan Badan Berkanun Malaysia* at UiTM Arau, Perlis.

6 September 2023, Arau – The Opening Ceremony of *Karnival Sukan Badan Berkanun Malaysia 2023 (SUKANUN 2023)* took place at Tuanku Syed Faizuddin Putra Stadium, UiTM Perlis.

26 November 2023, Klang – The Klang Port Authority organised the 60 Years Anniversary *Treasure Hunt 2023* at Port Klang. LPJ sent two teams participated in this tournament in the OGA Category.



## Lawatan Rasmi



21 Jun 2023, Malmo, Sweden – Delegasi daripada Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Dr. Cleopatra Doumbia-Henry, Presiden *World Maritime University* (WMU).

23 Jun 2023, Berlin – LPJ telah mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Kedutaan Malaysia di Berlin, Jerman. Pertemuan ini telah membincangkan secara mendalam mengenai perkembangan industri maritim dan merancang kerjasama antara LPJ dan WMU untuk program-program berkaitan maritim.

## Official Visits



21 June 2023, Malmo, Sweden – Delegates from Johor Port Authority (LPJ) paid a courtesy visit to Dr. Cleopatra Doumbia-Henry, President of the World Maritime University (WMU).

23 June 2023, Berlin – LPJ undertook a working visit to the Embassy of Malaysia, Berlin, Germany. The meeting extensively addressed the development of the maritime industry and explored plans for collaboration between LPJ and the WMU on maritime-related programmes.



11 Julai 2023 – Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) menerima kunjungan daripada Malaysian Investment Development Authority (MIDA) bersama pelabur dari Kanada, iaitu Supreme International.

19 Julai 2023 – YB Datuk Haji Hasbi Bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan, telah menganjurkan Majlis Sarapan Pagi Malaysia bagi wakil-wakil Negara Anggota IMO, bersempena dengan pencalonan Malaysia sebagai Anggota Kategori C Majlis IMO bagi penggal 2024-2025.

27 Julai 2023, Gelang Patah – YBhg. Dato' Monaliza Binti Suhaimi, Pengurus Besar LPJ, telah mempengerusikan Mesyuarat Koordinasi LPJ-PTP yang diadakan di Pelabuhan Tanjung Pelepas. Selepas itu, YBhg. Dato' Monaliza dan delegasi telah dibawa melawat kawasan operasi pelabuhan dan pejabat *Central Planning & Performance (CPPO)*.

11 July 2023 – Johor Port Authority (LPJ) welcomed a visit from the Malaysian Investment Development Authority (MIDA), accompanied by investors from Canada, specifically Supreme International.

19 July 2023 – YB Datuk Haji Hasbi Bin Habibollah, Deputy Minister of Transport, hosted the Malaysia Breakfast Reception for representatives of IMO Member States, coinciding with Malaysia's nomination as a Category C Member of the IMO Council for the 2024-2025 term.

27 July 2023, Gelang Patah – YBhg. Dato' Monaliza Binti Suhaimi, General Manager of LPJ presided over the LPJ-PTP Coordination Meeting held at Port of Tanjung Pelepas. Following that, the delegation toured the port operations area and the Central Planning & Performance Office (CPPO).





28 August 2023, Pasir Gudang – Johor Port Authority (LPJ) hosted an official working visit from the Ministry of Transport to assess the operations of Pasir Gudang Port and Port of Tanjung Pelepas.

28-29 August 2023, Johor Bahru – The Malaysia Productivity Corporation (MPC) engaged in discussions with key stakeholders in the cocoa industry within the state of Johor.

20 September 2023, Pasir Gudang – LPJ welcomed the official visit of a delegation from Perkarya Purnakarya Indonesia (P31 Regional 2 Pontianak Branch) to enhance the relationship between the two ports.

28 Ogos 2023, Pasir Gudang – Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah menerima lawatan kerja rasmi daripada Kementerian Pengangkutan untuk memeriksa operasi Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

28-29 Ogos 2023, Johor Bahru – Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah mengadakan perbincangan dengan pemegang taruh utama dalam industri koko di negeri Johor.

20 September 2023, Pasir Gudang – LPJ telah mengalu-alukan lawatan rasmi delegasi daripada Perkarya Purnakarya Indonesia (Cawangan Pontianak P31 Wilayah 2) untuk mengukuhkan hubungan antara kedua-dua pelabuhan.

# Lawatan Rasmi



23 Oktober 2023, Pasir Gudang – Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah menerima lawatan rasmi daripada delegasi yang mewakili Peadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP), Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd., bersama rakan strategik mereka dari Port of Antwerp-Bruges International (PoABI).

6 November 2023, Rotterdam, Belanda – LPJ telah mengadakan lawatan rasmi oleh Lembaga Pengarah ke Pelabuhan Rotterdam, Belanda, untuk mengukuhkan kerjasama dan bertukar idea berkaitan inisiatif nyahkarbon dan digitalisasi.

7 November 2023, Antwerp-Bruges, Belgium – Lawatan kerja Lembaga Pengarah LPJ diteruskan ke Pelabuhan Antwerp-Bruges untuk menjalin kerjasama antara pihak berkuasa pelabuhan.

13 Disember 2023, Pasir Gudang – LPJ telah mengalu-alukan lawatan rasmi daripada delegasi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).



## Official Visits

23 October 2023, Pasir Gudang – Johor Port Authority (LPJ) welcomed an official visit from a delegation representing the Perak State Development Corporation, Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd., along with their strategic partner from Port of Antwerp-Bruges International (PoABI).

6 November 2023, Rotterdam, Netherlands – LPJ conducted an official visit by the Board of Directors to the Port of Rotterdam, Netherlands, to foster collaborations and exchange ideas regarding decarbonization and digitalization initiatives.

7 November 2023, Antwerp-Bruges, Belgium – The work visit of the LPJ Board of Directors continued to the Port of Antwerp-Bruges to establish cooperation between the port authorities.

13 December 2023, Pasir Gudang – LPJ welcomed an official visit from *Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)*.



Financial  
Statement

# Penyata Kewangan

06





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Lembaga Pelabuhan Johor dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 4 hingga 23.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pelabuhan Johor pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pelabuhan 1963.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pelabuhan Johor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Lembaga Pelabuan Johor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pelabuan Johor tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuan Johor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pelabuan 1963. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuan Johor yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuan Johor, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pelabuan Johor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pelabuan Johor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pelabuan Johor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta

mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pelabuhan Johor;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pelabuhan Johor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Pelabuhan Johor tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## Hal-hal Lain

Lembaga Pelabuhan Johor hendaklah mengambil tindakan proaktif untuk menyelesaikan isu deposit diterima yang melebihi tujuh tahun agar pelaporan pemiutang adalah tepat.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Pelabuhan Johor berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pelabuhan 1963 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(DATO' SERI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA

4 DISEMBER 2024



# PENYATA Pengerusi & SEORANG AHLI Lembaga Pengarah

Kami **HAJI ROSNAN BIN FATHLAL** dan **SUZILAWATY BINTI SHUIB** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PELABUHAN JOHOR** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar, yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Pelabuhan Johor pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,

  
.....  
**HAJI ROSNAN BIN FATHLAL**  
Pengerusi

  
.....  
**SUZILAWATY BINTI SHUIB**  
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 21 JUL 2024

Tempat: Johor Bahru

Tarikh: 21 JUL 2024

Tempat: Johor Bahru

## STATEMENT OF CHAIRMAN AND A BOARD MEMBER

We, **HAJI ROSNAN BIN FATHLAL** and **SUZILAWATY BINTI SHUIB**, the Chairman and a Board Member of **JOHOR PORT AUTHORITY**, hereby declare that, in the opinion of the Board of Directors, the Financial Statements, including the Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Changes in Equity, Statement of Cash Flows, and Statement of Budgetary Comparison and Actual Amounts, along with the notes to the Financial Statements, have been prepared to provide a true and fair view of the position of the Johor Port Authority as of 31 December 2023, and its financial performance and changes in financial position for the year then ended.

On behalf of Board,

On behalf of Board,



HAJI ROSNAN BIN FATHLAL  
Chairman



SUZILAWATY BINTI SHUIB  
Board Member

Date: 21 JUL 2024

Date: 21 JUL 2024

Venue: Johor Bahru

Venue: Johor Bahru

# PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **DATO' MONALIZA BINTI SUHAIMI**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PELABUHAN JOHOR**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas  
di JOHOR BAHRU  
pada **20 JUL 2024**

  
.....  
**DATO' MONALIZA BINTI SUHAIMI**

Di hadapan saya,



# STATUTORY DECLARATION BY THE PRIMARY OFFICER RESPONSIBLE FOR FINANCIAL STATEMENT

I, **DATO' MONALIZA BINTI SUHAIMI**, the chief officer responsible for the financial management and accounting records of the Johor Port Authority, hereby sincerely acknowledge that the Financial Statements, which include the Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Changes in Equity, Statement of Cash Flows, and Statement of Budgetary Comparison and Actual Amounts, along with the notes to the Financial Statements, present a true and fair view of the financial position as outlined, to the best of my knowledge and belief. I make this declaration in full confidence that it is accurate and in compliance with the requirements of the Statutory Declarations Act, 1960.

Truthfully and Faithfully  
Acknowledged by the Above-Named  
in **JOHOR BAHRU**

on

**20 JUL 2024**



**DATO' MONALIZA BINTI SUHAIMI**

Before me,



NO 8 JALAN DHOBY  
80000 JOHOR BAHRU  
JOHOR

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

## PADA 31 DISEMBER 2023

|                                    | Nota | 2023<br>31 Disember<br>RM | 2022<br>31 Disember<br>RM |
|------------------------------------|------|---------------------------|---------------------------|
| <b>ASET SEMASA</b>                 |      |                           |                           |
| Penghutang Perniagaan              | 2    | 9,285,975                 | 10,490,820                |
| Pelbagai Penghutang                | 3    | 4,246,918                 | 4,449,225                 |
| Cukai Akan Dikembalikan            |      | 3,000,025                 | -                         |
| Pinjaman Kakitangan Jangka Pendek  | 4    | 491,094                   | 367,215                   |
| Simpanan Tetap                     | 5    | 222,955,078               | 187,626,803               |
| Wang di Bank                       | 6    | 5,127,220                 | 864,730                   |
|                                    |      | 245,106,310               | 203,798,793               |
| <b>ASET BUKAN SEMASA</b>           |      |                           |                           |
| Pinjaman Kakitangan Jangka Panjang | 4    | 1,718,689                 | 1,715,699                 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan       | 7    | 51,511,151                | 52,370,074                |
| Kerja Dalam Kemajuan               | 8    | 712,241                   | -                         |
| Hartanah Pelaburan                 | 9    | 395,752,052               | 398,887,667               |
| Aset Tak Ketara                    | 10   | 3,736,893                 | 4,743,762                 |
| Pelaburan                          | 11   | 288,115,050               | 281,379,684               |
|                                    |      | 741,546,076               | 739,096,886               |
| <b>LIABILITI SEMASA</b>            |      |                           |                           |
| Pelbagai Pemiutang                 | 12   | 3,933,846                 | 1,978,303                 |
| Manfaat Pekerja                    | 13   | 377,414                   | 331,908                   |
|                                    |      | 4,311,260                 | 2,310,211                 |
| <b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>      |      |                           |                           |
| Manfaat Pekerja                    | 13   | 10,134,075                | 9,041,452                 |
|                                    |      | 10,134,075                | 9,041,452                 |
| <b>ASET SEMASA BERSIH</b>          |      |                           |                           |
|                                    |      | 240,795,050               | 201,488,582               |
|                                    |      | 972,207,051               | 931,544,016               |
| <b>ASET BERSIH/EKUITI:</b>         |      |                           |                           |
| Lebihan Berkumpul                  |      | 972,207,051               | 931,544,016               |
| <b>JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI</b>   |      | <b>972,207,051</b>        | <b>931,544,016</b>        |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# STATEMENT OF FINANCIAL POSITION

## ON 31 DECEMBER 2023

|                                | Note | 2023<br>31 Dec<br>RM | 2022<br>31 Dec<br>RM |
|--------------------------------|------|----------------------|----------------------|
| <b>CURRENT ASSET</b>           |      |                      |                      |
| Trade Debtors                  | 2    | 9,285,975            | 10,490,820           |
| Various Debtors                | 3    | 4,246,918            | 4,449,225            |
| Tax Receivables                |      | 3,000,025            | -                    |
| Short-Term Staff Loans         | 4    | 491,094              | 367,215              |
| Fixed Deposits                 | 5    | 222,955,078          | 187,626,803          |
| Cash at Bank                   | 6    | 5,127,220            | 864,730              |
|                                |      | 245,106,310          | 203,798,793          |
| <b>NON-CURRENT ASSETS</b>      |      |                      |                      |
| Long- Term Staff Loans         | 4    | 1,718,689            | 1,715,699            |
| Property, Plant and Equipment  | 7    | 51,511,151           | 52,370,074           |
| Work in Progress               | 8    | 712,241              | -                    |
| Investment Property            | 9    | 395,752,052          | 398,887,667          |
| Intangible Assets              | 10   | 3,736,893            | 4,743,762            |
| Investments                    | 11   | 288,115,050          | 281,379,684          |
|                                |      | 741,546,076          | 739,096,886          |
| <b>CURRENT LIABILITIES</b>     |      |                      |                      |
| Various Creditors              | 12   | 3,933,846            | 1,978,303            |
| Employee Benefits              | 13   | 377,414              | 331,908              |
|                                |      | 4,311,260            | 2,310,211            |
| <b>NON-CURRENT LIABILITIES</b> |      |                      |                      |
| Employee Benefits              | 13   | 10,134,075           | 9,041,452            |
|                                |      | 10,134,075           | 9,041,452            |
| <b>NET CURRENT ASSETS</b>      |      |                      |                      |
|                                |      | 240,795,050          | 201,488,582          |
|                                |      | 972,207,051          | 931,544,016          |
| <b>NET ASSETS/EQUITY:</b>      |      |                      |                      |
| Retained earnings              |      | 972,207,051          | 931,544,016          |
| <b>TOTAL NET ASSETS/EQUITY</b> |      | <b>972,207,051</b>   | <b>931,544,016</b>   |

The notes provided are an integral part of these financial statement.

# PENYATA PRESTASI KEWANGAN

## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

|                                                       |      | 2023                      | 2022                      |
|-------------------------------------------------------|------|---------------------------|---------------------------|
|                                                       | Nota | RM                        | RM                        |
| <b>HASIL</b>                                          |      |                           |                           |
| Urusniaga Pertukaran                                  | 14   | 72,094,712                | 69,669,893                |
| Lain-lain Hasil                                       | 15   | 29,157,821                | 20,501,249                |
